

**SATU KAJIAN TENTANG PERMAINAN GASING URI  
TERBANG NEGERI TERENGGANU DARUL IMAN**

**MOHD HAFIZUDDIN B ABD RAHMAN  
C08A043**

**KERTAS PROJEK  
BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA SYARAT-SYARAT  
UNTUK IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN**

**UNIVERSITI  
MALAYSIA  
JABATAN PENGAJIAN WARISAN  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF & WARISAN  
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN  
KELANTAN  
2011/2012**

## ABSTRAK

Kajian ini merupakan kajian mengenai permainan tradisional yang dikenali sebagai gasing uri di negeri Terengganu Darul Iman. Permainan tradisional merupakan satu seni masyarakat lalu dalam mengetengahkan idea dan falsafah kehidupan mereka dalam bentuk permainan. Dimana pada waktu dahulu ianya menjadi medium kepada masyarakat dalam menyatukan kumpulan serta membentuk hubungan yang erat antara satu sama lain. Kajian ini akan melihat kepada asal-usul permainan, struktur permainan tradisional ini yang mengandungi teknik pembuatan, cara permainan dan juga undang-undang yang wujud dalam permainan ini. Kajian ini juga akan lebih tertumpu di negeri Terengganu yang kaya dengan warisan tradisinya iaitu di Daerah Besut yakni di kawasan Kampung Gong Duek, Kampung Teluk Suda dan juga Kampung Alor Lintang. Diharapkan supaya kajian ini dapat dijadikan satu sumbangan yang bermakna dalam usaha memartabatkan seni warisan negara.

## ABSTRACT

**This study is the traditional game known as the placenta in the state's top Terengganu Darul Iman. Traditional games and a community art and philosophy of bringing their lives in the form of the game. Where at first it was a medium to unite the community and to develop close relationships with each other. The study will look at the origins of the game, traditional game structure containing manufacturing techniques, how to play and the laws that exist in this game. This study will also be more concentrated in the state's rich traditional heritage of the Besut district in Kampong Gong Duek, Kampung Teluk Suda and Kampung Alor Lintang. It is hoped that this study can be a meaningful contribution in an effort to uphold the national heritage.**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

<b>KANDUNGAN</b>		
<b>PERAKUAN PELAJAR</b>		<b>i</b>
<b>ABSTRAK</b>		<b>ii</b>
<b>KANDUNGAN</b>		<b>iii</b>
<b>BAB 1</b>	<b>Pengenalan</b>	
1.0	Pendahuluan	1
1.1	Penyataan Masalah	9
1.2	Objektif Kajian	11
1.3	Skop Kajian	12
	1.3.1 Latar Belakang Negeri Terengganu	12
	1.3.2 Latar Belakang Kawasan Kajian	12
1.4	Batasan Kajian	14
1.5	Kepentingan Kajian	15
	1.5.1 Informal/Individu	16
	1.5.2 Masyarakat	16
	1.5.3 Institusi	16
1.6	Definisi Konsep	17
	1.6.1 Definisi Permainan Tradisional	17
	1.6.2 Definisi Permainan Gasing Uri	17

<b>BAB 2</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	
2.0	Pengenalan	18
<b>BAB 3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	
3.0	Pengenalan	26
3.1	Kaedah Kajian	27
3.1.1	Kajian Keperpustakaan	27
3.1.2	Kajian Lapangan	28
	i. Teknik Rakaman	28
	ii. Kaedah Pemerhatian	28
	iii. Kaedah Penglibatan Kendiri	29
	iv. Teknik Temubual	29
3.1.3	Pemilihan Informan	30
3.1.4	Kajian Internet	31
3.2	Kesimpulan	31
<b>BAB 4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Peralatan Dalam Permainan Gasing Uri Terbang	33
4.1.1	Kayu Gasing	34
4.1.2	Lopok	36
4.1.3	Bong	38
4.1.4	Sudip/ cokok	40

4.1.5	Tali	41
4.1.6	Batang Buloh	43
4.1.7	Minyak Pelincir	44
4.1.8	Getah Kecupu	45
4.2	Teknik Pembuatan dan Penghasilan Gasing	46
4.2.1	Pemilihan Kayu	47
4.2.2	Pemrosesan Kayu Gasing	49
4.2.3	Proses Melarik dan Membentuk Kayu Gasing	50
4.2.4	Memasang Kepala Gasing	52
4.2.5	Memasak Timah	53
4.2.6	Melarik Timah Gasing	55
4.2.7	Memasang Paksi	58
4.2.8	Pemasangan Hiasan dan Pemotek	58
4.3	Cara Permainan Gasing	60
4.3.1	Melilit Tali	60
4.3.2	Memusing Gasing	62
4.3.3	Menyambut Gasing/ Mencokok Gasing	65
4.4	Undang-Undang Permainan Gasing Uri Terbang	67
4.5	Lokasi dan Waktu	69


4.6	Pantang Larang dan Kepercayaan	70
4.7	Perbincangan	72
4.7.1	Pembelajaran dan Pengajaran	73
4.7.2	Permasalahan Dalam Permainan	75
4.7.3	Pembahagian nagang	77
4.7.4	Teknik pengiraan tempoh waktu	79
4.7.5	Perbezaan gasing uri dan gasing uri terbang	80
4.7.6	Ekonomi dan sosial masyarakat	83
4.7.7	Peranan dan Tujuan permainan Gasing Uri Terbang	85
4.7.8	Falsafah	88
4.8	Kesimpulan	89
 <b>UNIVERSITI</b>  <b>MALAYSIA</b>  <b>KELANTAN</b>		
<b>BAB 5</b>	<b>KESIMPULAN</b>	
5.0	Kesimpulan	91
5.1	Cadangan	95
	Lampiran	97
	Bibliografi	106

## SENARAI GAMBAR

<b>TAJUK</b>	<b>MUKASURAT</b>
1. Gambar kayu gasing yang telah dibentuk..	35
2. Gambar satu alat dalam permainan gasing iaitu lopok.	37
3. Gambar bong yang diperbuat daripada tanah liat.	39
4. Gambar sudip atau cokok.	40
5. Gambar tali dalam permainan gasing	42
6. Gambar batang buloh yang ditanam kedalam tanah.	44
7. Gambar minyak pelincir daripada sumber minyak masak.	45
8. Gambar kayu yang masih belum dibentuk.	48
9. Gambar kedudukan tangan dan pahat ketika melarik.	51
10. Gambar bentuk kepala gasing dan lurah untuk timah.	53
11. Gambar proses menuang timah ke dalam acuan.	55
12. Gambar bentuk pahat yang berbagai.	56
13. Gambar proses melarik timah.	57
14. Gambar jenis pemotek atau jambul gasing.	59
15. Gambar proses melilit tali pada gasing.	62
16. Gambar teknik dan kedudukan ketika proses memusing.	63
17. Gambar tukang cokok bersedia menyambut gasing.	66
18. Gambar keadaan posisi ketika meletakkan lopak.	67



- 19. Gambar jadual kedudukan gasing. 77
- 20. Gambar kertas yang menjadi tanda pengenalan. 79



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



# BAB 1

## PENDAHULUAN

UNIVERSITI

### 1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat yang berbilang kaum dan mempunyai budaya serta tradisi yang pelbagai. Setiap daripada masyarakat ini mempunyai kepelbagaian budaya serta latar belakang dalam kehidupan. Setiap kaum di negara ini seperti Melayu, Cina dan juga India mempunyai keunikannya yang tersendiri. Keunikan setiap kaum ini merangkumi pelbagai aspek kehidupan dari sudut ekonomi, politik, sosial dan juga aktiviti

kesenian. Masyarakat Melayu contohnya mempunyai warisan tradisi yang sangat unik contohnya yang terdapat dalam permainan tradisional mereka seperti Wau, Congkak dan juga permainan gasing Menurut Zawiah Ahmad (1997):

“Dalam budaya Melayu, permainan merupakan khazanah seni yang amat berharga. Selain daripada mempunyai peranan dan fungsinya yang tersendiri, permainan tradisional juga bertujuan untuk pertarungan dan hiburan semata-mata” (m.s.4).

Dalam membicarakan konsep permainan ini, menurut tokoh yang pernah mengkaji mengenainya adalah seperti J. Huizinga (1952):

*“Play is a voluntary activity or occupation executed within certain fixed limits of time and place, according to rules freely accepted but absolutely binding, having its aim in itself and accompanied by a feeling of tension, joy and the consciousness that is “different” from ordinary life”* (m.s.8).

Beliau menekankan bahawa hubungan antara permainan dengan budaya sesebuah masyarakat lebih kepada bercorak bebas dan bukanlah sebagai kerja kebiasaan. Kadangkala dapat dilihat bahawa sesuatu pengamal yang memainkan sesebuah permainan menunjukkan reaksi seperti perasaan gembira, cemas dan kebanyakan mereka sedar bahawa apa yang mereka lakukan itu adalah sesuatu yang diluar kebiasaan mereka. Menurut Summer dan Kuller, mereka menyatakan bahawa menerusi permainan manusia dapat melepaskan perasaan masing-masing.

Permainan yang dimainkan oleh setiap individu atau pasukan itu sendiri juga dapat menimbulkan berbagai-bagai perasaan seperti suka, gembira, berpuas hati, membina kesihatan rohani dan jasmani, melatih manusia untuk berfikir serta memberi manusia kebebasan diri dan unsur pengajaran. Dalam permainan juga dapat melahirkan sifat kepimpinan dari sudut pentadbiran, pengawasan, kepimpinan, penilaian, penyusunan persembahan serta keberanian untuk bersuara. Kewujudan unsur yang positif ini akan menjadi sesuatu yang berharga dalam pembinaan modal insan yang bakal menjadi pemimpin. Permainan ini merupakan satu faktor penyebab kepada perkembangan seseorang individu dalam memenuhi keperluan biologi, kerohanian dan juga sebagai dari sudut pendidikannya. Permainan ini juga adalah salah satu daripada unsur kebudayaan yang mampu memenuhi keperluan sosial sesebuah kelompok atau masyarakat dan dapat menggambarkan perkembangan dan peradaban sesebuah masyarakat tersebut.

Individu tidak dapat hidup bersendirian dan mereka mesti berinteraksi antara satu sama lain untuk keperluan rohani mereka. Hubungan itu mungkin dari sudut persahabatan, kekeluargaan, keagamaan dan juga ekonomi. Apa yang dimaksudkan dengan keperluan rohani itu pula adalah meliputi sosial kepercayaan, kekeluargaan, muzik, kesusasteraan dan lain-lain lagi. Dalam memenuhi keperluan rohani itu juga dapat dilihat dari sudut seperti ekonomi yang

menjadi sebahagian daripada bahagian dalam permainan di samping dapat memenuhi keperluan rohani dan jasmani kelompok pengamalnya.

Dengan bertambah kompleksnya kehidupan manusia maka semakin bertambah jugalah pilihan yang diperlukan, oleh itu banyaklah jenis-jenis permainan yang diperlukan bagi melepaskan tekanan dan emosi dalam diri, selepas mengambil bahagian dalam permainan, seseorang individu itu akan merasa puas dan senang. Permainan ini merupakan satu medium untuk menghilangkan ketegangan dan perasaan yang bercelaru dalam diri seseorang itu. Jika dibincangkan mengenai hubung kait antara permainan dengan pendidikan adalah ianya bukan sahaja mampu melatih kanak-kanak menjadi lebih sihat tetapi ianya juga mampu membentuk latihan moral kepada mereka dalam aspek membuat keputusan dan juga membentuk disiplin. Menurut Charles Kingsley, beliau menyatakan bahawa menerusi permainan, seseorang itu memperoleh pelajaran yang tidak terdapat didalam buku.

Jika dilihat dari sudut hubungkait permainan dengan politik pula, dapat kita terima hakikat bahawa permainan dan politik tidak dapat dipisahkan, buktinya boleh dikatakan semua negara mempunyai kementerian yang khusus untuk mengariskan sebarang aktiviti yang berkaitan dengan permainan. Di Malaysia terdapat kementerian yang diberi nama “Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan”. Dalam kementerian seperti ini diketuai oleh seorang menteri dan

kepentingan kementerian ini boleh dibuktikan lagi dengan peruntukan kewangan yang besar setiap tahun oleh kerajaan.

Mengikut Notes dan Queries (1960), mereka membahagikan permainan kepada beberapa pembahagian seperti:

- Permainan yang mengandungi unsur-unsur gerak geri yang boleh membantu tubuh badan secara fizikal dan mental dari sudut kegagahan, kekuatan dan juga kepintaran melalui aktiviti seperti melompat, bertinju, menembak dan juga berlari.
- Permainan yang memerlukan kepintaran dan kebolehan mengira serta mengatur langkah seperti catur dan dam.
- Permainan yang mengasah kepintaran berfikir seperti permainan yang bersifat teka-teki dan penggunaan angka.
- Permainan yang menggunakan binatang seperti menangkap, memburi, melaga.
- Permainan yang bergantung kepada nasib, contohnya permainan yang menggunakan dadu dimana kemenangan dan kekalahan dalam permainan sebegini banyak bergantung kepada nasib semata-mata.
- Tarian dan lakonan drama untuk hiburan semata-mata.
- Permainan beramai yang dilakukan dengan menggunakan alat-alat tertentu dan kebiasaannya diiringi dengan nyanyian.
- Pementasan oleh ahli-ahli yang professional dan biasanya dilakukan oleh orang dewasa serta masih muda.

Ada juga pembahagian permainan yang dibuat berdasarkan kepada jenis-jenis permainan seperti dari sudut penggunaan tenaga, kepintaran dan juga hiburan. Pembahagian seperti ini boleh dikatakan terlalu ringkas dan tidak merangkumi keseluruhan jenis permainan. Di negeri seperti Kelantan dan Terengganu terdapat permainan tradisional yang sangat unik dari segi permainan dan juga cara pembuatannya iaitu permainan gasing uri terbang. Ianya sangat popular dalam kalangan masyarakat Melayu dari semua peringkat umur iaitu dari kanak-kanak hinggalah kepada orang dewasa. Menurut W. W. Skeat (1989), beliau menegaskan bahawa:

*“Top spinning, again, is a favourite past time among the Malays, and is played by the old and young of all ranks with the same eagerness.”*  
(m.s.22).

Permainan gasing merupakan salah satu kebudayaan Melayu lama yang masih diminati oleh golongan masyarakat terutamanya orang Melayu. Permainan gasing ini boleh dikatakan wujud di setiap negeri di Malaysia dan apa yang membezakannya adalah jenis-jenis, teknik pembuatan dan juga cara permainannya. Permainan ini merupakan satu permainan yang sangat menguji kesabaran dan selalunya permainan ini dimainkan ketika waktu lapang. Keistimewaan permainan ini adalah ianya boleh berpusing dengan sangat lama iaitu sekitar dua jam setengah dan cara permainannya juga sangat unik contohnya

gasing dipusing dan disambut diatas udara tanpa menjejaskan kelajuan gasing yang sedang berputar. Gasing dikenali sebagai sebuah objek yang berputar diatas paksinya. Menurut Asmad (1990):

“Perkataan gasing ini berasal daripada suku kata “ka” dan “sing”. Sukukata “ka” ini diambil daripada perkataan kayu sementara “sing” pula diambil daripada perkataan pusing. Apabila dicantumkan maka wujudlah perkataan “kasing” dan dalam perkembangannya disebut gasing” (m.s.117).

Antara negeri di semenanjung Malaysia yang masih mempunyai permainan ini adalah seperti Terengganu, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pahang, Selangor dan juga Perak. Semua gasing mempunyai perbezaanya dari segi bentuknya. Dalam kebanyakan jenis gasing yang dimainkan di Semenanjung Malaysia hanya negeri Terengganu dan Kelantan sahaja yang mempunyai persamaan iaitu permainan gasing timah dan juga gasing leper pangkah. Kebanyakan negeri lain lebih terkenal dengan permainan gasing pangkah, gasing telur dan juga gasing berembang.

Permainan gasing pangkah adalah jenis permainan gasing yang bersifat memangkah atau mengetuk gasing pihak lawan. Perlawanan ini bermula apabila pemain memusingkan gasingnya ke dalam gelanggang atau bong dan pihak yang menjadi lawannya akan memangkah gasing pemain yang menjadi lawannya



dengan gasing miliknya. Teknik pusingan gasingnya lebih kepada bersifat memangkah atau untuk membinasakan gasing lawannya. Seorang pemain yang baik mampu menyebabkan gasing pihak lawan berhenti berputar atau keluar dari gelanggang tetapi pada masa yang sama gasing miliknya masih lagi berputar di dalam gelanggang. Ukur lilit gasing pangkah ini sekitar 36 cm hingga 46 cm, manakala tingginya 9 cm hingga 12 cm. Gasing pangkah ini lebih popular di negeri Melaka, Johor dan juga Selangor.

Gasing telur merupakan gasing yang banyak terdapat di Negeri Sembilan. Namun begitu ianya juga terdapat di Johor dan juga Selangor. Ukur lilitnya sekitar 26 cm hingga 45 cm dan tingginya pula sekitar 12 cm. Dalam permainan gasing antara negeri terdapat syarat atau undang-undang yang berbeza antara satu sama lain dan selalunya ianya mengikut persetujuan antara pasukan dan pemain. Pada masa ini telah wujud persatuan yang khusus untuk permainan gasing iaitu Persekutuan Gasing Malaysia (PEGAMA). Badan ini bertindak dalam menyelaraskan aktiviti yang berkaitan dengan permainan gasing di seluruh Malaysia bagi menjamin kelestariannya.

Dalam kajian ini pengkaji akan melihat permainan gasing yang terdapat di negeri Terengganu Darul Iman dimana kajian ini akan tertumpu di Daerah Besut yang mempunyai kelompok penggiat permainan ini yang masih aktif.

## **1.1 Masalah Kajian**

### **1.1.1 Kekurangan Pengamal**

Permasalahan timbul apabila kekurangan pengamal seni permainan tradisional gasing uri pada masa kini. Pengamal-pengamal permainan sebegini boleh dikatakan semakin berkurangan disebabkan pelbagai faktor seperti kurang mendapat sokongan masyarakat setempat. Selain itu masyarakat kini terutamanya kelompok penggiat permainan ini tidak dapat memberi komitmen yang sepenuhnya dek kerana pelbagai halangan seperti beban kerja dan tanggungjawab kepada keluarga. Faktor pulangan yang tidak berbaloi juga menjadi antara faktor kurangnya minat masyarakat terhadap permainan ini.

### **1.1.2 Perubahan Minat Masyarakat**

Masyarakat kini lebih memilih permainan yang lebih bersifat moden dan menarik seperti permainan bola sepak, futsal, permainan internet, facebook dan pelbagai lagi hiburan yang bergerak seiring dengan perubahan zaman selari dengan tahap dunia tanpa sempadan. Mungkin masyarakat menganggap permainan tradisional sebegini hanya sesuai dimainkan oleh orang-orang kampung sahaja.

### **1.1.3 Kekurangan Pelapis**

Antara faktor terpenting yang memungkinkan kepada kewujudan masalah ini adalah seperti faktor penggiat yang terdiri dalam kalangan orang dewasa yang sukar untuk memperturinkan ilmu dan kemahiran permainan ini kepada golongan muda, ditambah pula dengan hubungan antara masyarakat peringkat dewasa dengan golongan muda yang bersifat berkelompok dan sukar bergaul disebabkan beberapa faktor seperti masalah komunikasi, perbezaan umur dan faktor budaya masyarakat.

### **1.1.4 Kekurangan Sumber Rujukan**

Kekurangan sumber rujukan menjadi antara masalah utama kerana jika dilihat kepada sumber rujukan yang ada sekarang lebih banyak tertumpu kepada permainan gasing secara umum dan kurang pilihan mengenai kewujudan gasing uri terbang. Selain itu permainan yang dikatakan hanya wujud di sekitar negeri pantai timur ini juga menyebabkan sumber rujukan yang berkaitan permainan ini hanya lebih tertumpu di negeri-negeri pantai timur juga seperti Kelantan dan Terengganu sahaja .

### **1.1.5 Kurangnya Pendedahan**

Jika dilihat kepada pepatah “Tak kenal maka tak cinta”. Kita boleh membuat andaian bahawa tiadanya pendedahan antara penyebab permainan ini semakin pupus. Bukan semua masyarakat sukakan permainan tradisional dan begitu juga sebaliknya. Peranan pihak yang bertanggungjawab dalam memelihara permainan tradisi ini yang amat kurang menjadi faktor kurangnya populariti permainan ini dalam kalangan masyarakat.

## **1.2 Objektif Kajian**

Objektif kajian yang ingin di capai ialah :

- Mengkaji asal-usul, cara pembuatan, kaedah serta cara permainan yang terdapat didalam seni permainan tradisional ini secara terperinci.
- Mengkaji fungsi dan peranan permainan ini dalam masyarakat.
- Melihat aspek penerimaan masyarakat kini terhadap seni permainan tradisional gasing.
- Menilai dan menganalisis kelompok pengamal seni permainan tradisi Melayu ini.
- Mendokumentasikan hasil kajian untuk dijadikan rujukan.

### 1.3 Skop Kajian

Terengganu Darul Iman merupakan negeri Pantai Timur Semenanjung Malaysia yang kaya dengan khazanah bumi dan laut serta maju membangun dalam pelbagai sektor bidang. Negeri ini terletak di antara garisan bujur 102.25 dengan 103.50 dan garisan lintang 4 hingga 5.50 dalam peta dunia. Bersempadan dengan Kelantan di bahagian utara serta barat lautnya dan Pahang di bahagian selatan dan barat dayanya, Terengganu mempunyai keluasan kira-kira 1,295,638.3 hektar atau 1.295, 512.1 hektar dalam pentadbirannya. Terdapat 7 buah daerah dalam pentadbiran negeri ini iaitu Besut, Dungun, Hulu Terengganu, Kemaman, Kuala Terengganu, Marang dan Setiu.

Penyelidik akan menjalankan kajian di sekitar negeri Terengganu Darul Iman. Penyelidik akan melawat daerah yang terdapat di negeri Terengganu. Antara daerah yang terlibat adalah daerah Besut. Besut merupakan sebuah daerah yang terletak di bahagian utara Negeri Terengganu dan bersempadan dengan Negeri Kelantan di bahagian utara dan baratnya. Daerah ini dikelilingi Laut Cina Selatan di sepanjang pantai Timur Lautnya dan ditunjangi Banjaran Titiwangsa di bahagian baratnya. Terdapat 15 mukim dalam pentadbiran Besut iaitu Keluang, Kuala Besut, Bukit Puteri, Pengkalan Nangka, Hulu Besut, Jabi, Kerandang, Pelagat, Lubuk Kawah, Pasir Akar, Tembila, Kampung Raja, Tenang, Kubang Bemban dan Bukit Kenak.

Di daerah Besut pengkaji akan memfokuskan kepada beberapa buah kampung yang terlibat dengan permainan ini seperti Kampung Gong Duek, Kampung Teluk Suda dan juga Kampung Alor Lintang dimana ketiga-tiga kampung ini yang jaraknya kira-kira 6 kilometer dari bandar Jerneh terdapat kelompok penggiat permainan gasing yang terdiri daripada peniaga dan petani serta masih aktif, di kampung ini juga pengkaji akan melihat cara pembuatan, cara permainan dan juga meneliti latar belakang penggiat secara umum. Di daerah ini juga merupakan pusat berkumpulnya para penggiat permainan ini dimana di daerah ini juga wujudnya gelanggang, tempat berlatih dan juga lokasi bermesyuarat. Tujuan skop kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai permainan tradisional gasing uri terbang negeri Terengganu sahaja dan lebih kepada untuk melihat aspek-aspek dan elemen yang terdapat didalam permainan ini serta menganalisis kelompok masyarakat sekitar permainan tradisional ini.



Peta daerah Besut.

(Sumber: <http://besut.gov.my/petajajahan.htm>)

#### 1.4 Batasan Kajian

Batasan kajian saya adalah lebih kepada memfokuskan mengenai permainan gasing uri terbang negeri Terengganu dimana hanya sebuah daerah sahaja yang terlibat iaitu Daerah Besut dalam jajahan negeri Terengganu Darul Iman. Kajian saya pula akan lebih menumpukan kepada teknik pembuatan, cara permainan dan peralatan atau elemen yang wujud dalam permainan ini serta melihat sebarang reaksi kelompok masyarakat sekitar terhadap permainan ini.

## **1.5 Kepentingan Kajian**

Kajian ini di lakukan adalah untuk mengetahui mengenai permainan tradisional negeri Pantai Timur yang boleh dikatakan semakin pupus ini. Kenyataan ini boleh dibuktikan melalui penglibatan dua buah negeri sahaja yang masih mengamalkan permainan tradisi ini iaitu hanya negeri Kelantan dan juga Terengganu sahaja. Kepentingan kajian ini boleh kita bahagikan kepada tiga bahagian iaitu dari sudut individu, masyarakat dan juga Negara.

### **1.5.1 Individu**

Melihatkan kepada kepentingan seni permainan tradisional ini kepada individu dalam aspek pembentukan jati dirinya disamping dapat mengekalkan ilmu tradisi permainan yang unik ini dalam diri generasi pelapis muda terutamanya. Selain itu, seseorang individu itu dapat mengenali dengan lebih dekat lagi aspek permainan tradisi ini supaya segala penerimaan dan kefahaman terhadap permainan ini dapat dicapai. Melalui kajian ini juga diharapkan supaya individu yang memahami selok-belok permainan ini mampu menyebarkannya kepada individu yang lain agar ianya tidak pupus ditelan zaman.



### **1.5.2 Masyarakat**

Tidak dapat dinafikan lagi bahawa permainan gasing pada zaman dahulu merupakan satu elemen dalam pembentukan erat silaturrahim dalam kalangan masyarakat Melayu dahulu terutamanya. Walaupun kita semakin dikejar arus kemodenan, tetapi hubungan sesama ahli masyarakat sangat penting dalam kehidupan. Jadi di sini permainan tradisional gasing ini dapat menjadi wadah atau satu penghubung antara masyarakat tanpa mengira taraf sosial dan asal-usul serta mampu menjadi identiti bagi penyatupaduan masyarakat Malaysia khususnya. Selain itu, kajian ini juga diharapkan supaya dapat melahirkan kelompok masyarakat pelapis permainan tradisional ini yang mungkin akan sedar mengenai kepentingan permainan ini dalam hidup bermasyarakat.

### **1.5.3 Institusi**

Melihatkan kepada kemajuan negara dari sudut pelancongan yang mampu menarik minat pelancong asing ke negara ini, tidak mustahil dengan pendedahan yang berterusan mengenai permainan ini sekaligus ianya diharapkan dapat menambahkan lagi pakej atau daya penarik elemen kebudayaan setempat yang menjadi antara teras keunikan negara ini. Kajian ini juga diharapkan dapat membantu mewujudkan Negara yang mempunyai identiti bangsa yang kukuh dengan elemen kebudayaanya di mata masyarakat luar seiring dengan konsep satu Malaysia.

## **1.6 Istilah-Istilah Dalam Kajian**

### **1.6.1 Definisi Permainan Tradisional**

Permainan tradisional didefinisikan sebagai satu permainan yang menjadi tradisi atau kebudayaan yang sudah diamalkan oleh sesuatu masyarakat dahulu untuk satu tempoh masa yang tertentu.

### **1.6.2 Definisi Gasing Uri Terbang**

Gasing uri terbang didefinisikan sebagai permainan gasing yang berputar pada satu paksi yang bertindak mengimbangi sesebuah gasing pada satu titik dimana terdapat pelbagai elemen alam yang wujud padanya seperti kayu, timah, aluminium dan juga tembaga. Permainan ini dianggap unik kerana gasing ini diambil atau disambut diatas udara tanpa menjejaskan pusingannya.



## BAB 2

### SOROTAN KAJIAN

#### 2.0 Pengenalan

Kajian terdahulu amat penting dalam menyiapkan sesuatu kajian. Hal ini penting kerana dengan adanya kajian tersebut, ianya dapat membezakan kajian yang akan kita lakukan dengan kajian-kajian yang pernah di jalankan sebelum ini. Selain itu juga, dengan adanya kajian terdahulu ini, kajian-kajian tersebut boleh di jadikan sebagai sumber rujukan atau boleh mendapatkan idea-idea daripada pengkaji yang terdahulu. Kajian terdahulu juga membolehkan kita mempertahankan kajian yang kita lakukan itu adalah yang asli tanpa berlaku sebarang masalah pertindihan tajuk atau plagiat dalam kajian yang akan dijalankan.

Dalam kajian ini pengkaji telah melihat kepada beberapa kajian yang terdahulu dimana ianya berkait dengan permainan gasing ini. Contohnya dalam kajian yang dijalankan oleh Fieda (2003), dalam bukunya yang bertajuk Permainan Gasing. Dalam kajian beliau ini banyak disentuh mengenai asal-usul permainan gasing contohnya dimana kajian beliau mengatakan bahawa gasing berasal daripada Mekah dan ada juga pendapat yang mengatakan bahawa permainan gasing ini berasal daripada permainan laga telur yang dimainkan terutamanya oleh golongan kanak-kanak. Ada pendapat yang mengatakan permainan gasing ini datang daripada penciptaan alat memburu haiwan yang bulat dan leper dimana alat ini digunakan melalui teknik melempar dan ianya akan berputar sebelum mengenai mangsanya, dan untuk mendapatkan daya lemparan yang kuat memerlukan tali supaya daya yang dapat dihasilkan menjadi besar. Buku ini juga diselitkan dengan pengenalan jenis-jenis gasing, teknik pembuatan, proses permainan serta turut diselitkan dengan pengetahuan atau istilah yang baru seperti bela uri, cokok, imbal, ketetel, borot dan banyak lagi.

Menurut Dr Omar Farouk Bajunid (1989), dalam buku Pengantar Kesenian Kelantan, beliau lebih banyak menyentuh kepada asal-usul permainan gasing yang seakan-akan sama dengan buku yang ditulis oleh Suhaimi Junoh (1984) yang mengatakan bahawa permainan gasing ini berasal daripada peristiwa Hassan dan Hussin yang memusingkan buah khuldi. Selain itu, buku ini turut mendedahkan mengenai asal-usul permainan gasing di negeri Kelantan yang dikatakan bermula

sekitar era pemerintahan Cik Siti Wan Kembang yakni pada abad ke-17. Buku ini turut menceritakan mengenai cara permainan gasing ini dan sedikit sebanyak menyentuh mengenai elemen kepercayaan terhadap gasing walaupun secara umum sahaja.

Menurut Yunus Pipet (1993), dalam bukunya yang bertajuk Gasing Melayu, beliau banyak menyentuh kepada sejarah permainan gasing dimana beliau mengatakan bahawa permainan gasing ini dimainkan oleh masyarakat dahulu ketika memenuhi waktu terluang mereka. Permainan ini juga turut dimainkan oleh semua peringkat usia iaitu dewasa dan kanak-kanak. Permainan gasing ini dimainkan oleh golongan masyarakat untuk beradu kecekapan, kemahiran, kekuatan kepantasan dan juga semangat kerjasama berpasukan di samping mampu mengeratkan hubungan persaudaraan dalam anggota masyarakat.

Dalam buku tulisan beliau juga turut disentuh mengenai perkaitan asal permainan gasing yang dikatakan wujud dari buah berembang yang merupakan sejenis buah yang dikatakan banyak terdapat di sekitar pantai-pantai. Buah berembang ini mempunyai bentuk yang bulat, licin serta agak leper. Buku ini juga turut menyentuh mengenai kewujudan jenis-jenis gasing yang berbeza iaitu beliau membahagikannya kepada dua jenis gasing iaitu gasing tradisional dan gasing sukan. Kedua-dua jenis gasing ini mempunyai peranan dan tujuan yang berbeza antara satu sama lain.

Beliau turut menyentuh mengenai adat yang wujud dalam permainan gasing seperti adat menyambut gasing, adat menebus kekalahan, adat di Pantai Timur dan sebagainya. Fisiologi dalam gasing juga Turut dipaparkan dalam buku ini dimana turut dinyatakan mengenai jenis-jenis kayu yang sesuai digunakan untuk dibuat gasing seperti kayu cengal, keranji, petai, jering dan kayu-kayu yang mempunyai sifat yang keras dan kuat. Penulis juga turut mengatakan terdapat tiga jenis bentuk asas gasing iaitu yang berbentuk telur, berbentuk jantung dan juga yang berbentuk buah berembang. Oleh itu kebanyakan gasing yang dibina kebanyakannya boleh dikatakan menyerupai bentuk-bentuk asas sebegini.

Beliau turut menyentuh mengenai peralatan yang digunakan untuk membuat gasing, aspek pemilihan kayu gasing yang betul, proses larikan kayu gasing serta aspek yang berkait dengan proses pembuatan gasing. Antara perkara yang menarik perhatian adalah penulis turut menceritakan mengenai pelbagai jenis gasing sekitar nusantara seperti gasing toyol, gasing kuno uri, gasing tanjung dan pelbagai jenis gasing lagi. Buku ini turut menyelitkan perihal mengenai teknik-teknik untuk menentukan jenis-jenis kegunaan gasing seperti gasing pemusing, gasing pangkah dan juga gasing untuk hiasan. Ia ditentukan melalui kegunaan dan juga bentuk fizikalnya yang sangat berbeza antara satu-sama lain. Cara memelihara gasing serta penjagaan komponen dalam permainan gasing Turut diselitkan seperti aspek penjagaan tali gasing dan cara memuliharanya.

Sejarah penggunaan mesin pelarik gasing turut dimuatkan dalam buku ini dimana penulis turut mengkaji mengenai jenis-jenis pelarik dalam permainan gasing seperti pelarik pikok, pelarik busar, pelarik spring, pelarik galah, pelarik petrol dan juga pelarik yang paling moden iaitu pelarik elektrik. Penulis turut membincangkan mengenai kewujudan idea atau bahan yang baru dalam pembuatan gasing contohnya seperti penggunaan simen, kaca, pasir yang mana penulis mengandaikan kewujudan gasing dengan bahan yang berbeza ini lebih kepada untuk memenuhi pasaran luar atau sesuai untuk dijadikan bahan hiasan sahaja.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Suhaimi bin Junoh (1984), beliau mengatakan seni permainan tradisional gasing ini wujud dalam kelompok masyarakat disebabkan adanya hubungan interaksi sosial dalam kalangan masyarakat itu sendiri. Dalam tulisan beliau juga turut menyentuh kepada proses pembuatan gasing dan yang uniknya ialah beliau menyentuh aspek pembuatan gasing ini yang difokuskan kepada kaedah pembuatan tradisional. Antara perbezaan yang boleh didapati daripada tulisan Suhaimi bin Junoh dengan tulisan pengkaji yang lain ialah beliau menceritakan mengenai asal-usul permainan gasing tradisional berbeza daripada pendapat penulis yang lain.

Beliau menyatakan bahawa asal-usul permainan gasing ini berkaitan dengan mitos dari Mekah dan beliau menceritakan sejarah permainan ini secara

terperinci mengikut kepercayaan pada waktu itu. Ceritanya bermula daripada dua cucu baginda Rasulullah s.a.w iaitu Hassan dan Hussin yang telah menjumpai dua buah khuldi yang telah dilemparkan oleh Rasulullah s.a.w. Tetapi Hassan dan Hussin telah mengambil buah khuldi tersebut dan memainkannya dengan cara memusingkannya dengan tali supaya buah itu dapat berpusing dengan laju dan tahan lama. Akan tetapi disebabkan ketiadaan tali, maka Hassan dan Hussin telah mengambil rambut Siti Fatimah yang telah gugur untuk dijadikan tali melalui teknik pintalan. Siti Fatimah marah kerana rambutnya telah digunakan untuk dijadikan tali gasing dan sebagai balasannya beliau telah mengoyakkan kain untuk menggantikan tali gasing tersebut dengan rambutnya.

Dalam tulisan beliau juga turut diterangkan mengenai peraturan serta cara permainan gasing. Di sini juga turut memaparkan pelbagai istilah yang seperti kalah mati dan beserta dengan perkiraanya dan syarat-syaratnya sekali. Antara pengetahuan yang paling unik dalam tulisan Suhaimi bin Junoh ini ialah, beliau turut menceritakan mengenai aspek penggunaan bomoh yang dikatakan mempunyai kuasa luar biasa dalam aspek permainan gasing tradisional ini. Menurutny lagi, penggiat gasing dikatakan percaya kepada kuasa bomoh dan sebarang pantang larang tidak boleh dilanggar kerana ianya boleh membawa kepada malapetaka dalam permainan atau mereka akan mengalami kekalahan dalam pertandingan gasing.



Istilah percaya kepada semangat gasing, semangat kayu, semangat bong dan juga semangat hari. Selain itu terdapat ritual dalam permainan gasing yang melibatkan penggunaan bomoh dimana gasing yang akan dipertandingkan perlu melalui ritual tertentu. Wujud juga ramalan hari atau istilah kedudukan mengikut kedudukan matahari yang boleh mempengaruhi faktor kemenangan atau kekalahan sesebuah pasukan itu.

Dalam tulisan Zunaidi bin Omar pada tahun (2000), beliau lebih banyak menyentuh mengenai sejarah permainan gasing melalui aspek dan pendekatan yang berbeza iaitu beliau lebih menyentuh sejarah seni permainan gasing ini melalui pandangan dan pendapat orang kampung. Antara pendapat yang dapat beliau simpulkan dari pandangan masyarakat setempat adalah seperti mengatakan bahawa permainan gasing tradisional berasal daripada zaman jepun lagi dan disebabkan faktor persekitaran pada waktu dahulu lagi dan juga faktor warisan itu sendiri jugalah menyebabkan permainan ini masih kekal sehingga sekarang. Dalam kajian beliau ini juga turut menceritakan mengenai adat-adat dalam permainan gasing seperti adat menyambut gasing, adat menebus kekalahan, adat jampi serapah dan juga upacara berjamu.

Dalam kajian yang dijalankan oleh Jasman Ahmad dan Siti Zaiton (1996). Mereka banyak mengkaji mengenai aspek perlambangan dan kewujudan unsur animisme yang terdapat dalam permainan gasing tradisional gasing ini. Kajian

yang dijalankan lebih menjurus kepada kewujudan unsur semangat, roh atau fahaman yang berkaitan dengan kepercayaan animisme masyarakat Melayu lampau.

Selain itu, turut dikatakan bahawa permainan gasing ini berasal dari Mekah dan telah dimainkan sejak 450M lagi. Kewujudan permainan gasing ini dikatakan dibawa oleh pedagang arab ke Tanah Melayu melalui aktiviti perdagangan sejak zaman kesultanan Melayu Melaka lagi. Permainan gasing ini juga merupakan salah satu daripada permainan rakyat pada waktu itu selain daripada Wau dan juga Sepak Raga.

Turut diceritakan dalam kajian mereka ini adalah seperti kewujudan elemen falsafah dalam permainan gasing seperti kewujudan lima bahagian asas dalam sebiji gasing seperti pemotek, patak, paksi, kepala dan juga labu yang mana setiap elemen gasing ini mempunyai falsafah dan perlambangannya yang tersendiri. Kaedah penggunaan tali yang merangkumi 8 peringkat bahagiannya turut diceritakan dalam buku ini.



## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Metodologi kajian merupakan kaedah atau cara yang digunakan di dalam sesuatu kajian. Metodologi kajian boleh dibahagikan kepada dua, iaitu kaedah kepustakaan dan keadah lapangan (sila lihat Asmah Haji Omar, 1991: 76-84).

Kajian ini akan menggunakan kedua-dua kaedah tersebut.

### **3.1 Kaedah Kajian**

#### **3.1.1 Kajian Kepustakaan**

Kajian kepustakaan di gunakan adalah untuk mencari maklumat berkaitan dengan permainan tradisional rakyat dan juga permainan tradisi masyarakat Melayu terutamanya permainan gasing. Kajian di jalankan dengan merujuk kepada buku-buku, journal, kertas persidangan teks dan laman sesawang. Kaedah kepustakaan merupakan teknik pengumpulan maklumat yang telah direkodkan. Melalui kaedah ini, pengumpulan maklumat sekunder diperolehi dari sumber-sumber yang telah didokumentasikan. Antara sumber-sumber dokumentasi yang digunakan ini adalah teks, laman web dan sebagainya.

Kaedah kajian kepustakaan juga digunakan bertujuan untuk mencari sumber-sumber atau maklumat-maklumat bagi menyokong data. Untuk rujukan yang lebih terperinci, pengkaji akan membuat rujukan di Perpustakaan Besar Universiti Malaysia Kelantan, Perpustakaan Awan Negeri Kelantan Darul Naim dan juga Negeri Terengganu Darul Iman serta Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Darul Naim.

### 3.1.2 Kajian Lapangan

Kajian lapangan pula akan di jalankan melalui 4 kaedah iaitu:

#### I. Teknik Rakaman

Teknik rakaman di gunakan dalam pengumpulan data. Teknik rakaman ini di gunakan ketika menjalankan temuramah dengan pengamal permainan tradisional gasing ini. Teknik rakaman ini akan menggunakan peralatan moden seperti kamera digital, pita rakaman suara dan juga pita rakaman video. Selain daripada menjalankan temuramah dengan para pemain gasing, kajian juga akan melihat kepada rakaman yang bersifat menyeluruh seperti rakaman ketika proses pembuatan dan permainan serta reaksi para peminat permainan gasing terhadap permainan ini pada masa kini.

#### II. Kaedah Pemerhatian

Teknik pemerhatian atau *personal observation* turut di gunakan dalam kajian ini (Rohaidah 1999). Teknik pemerhatian ini di gunakan dengan menjalankan pemerhatian ketika pemain memainkan permainan gasing ini dan juga ketika proses pembuatan dan juga amalan yang terdapat di dalamnya. Teknik

pemerhatian ini di gunakan untuk mengetahui cara dan kaedah permainan yang di gunakan oleh pengamal permainan ini dan dapat melihat dengan sendiri permainan gasing itu di jalankan.

### **III. Kaedah Penglibatan Kendiri**

Kaedah kajian lapangan ini memerlukan pengkaji untuk Turut sama terlibat dalam kajian yang dijalankan. Kajian jenis ini dikenali sebagai *Participant Observation*. *Kaedah ini merupakan satu cara pengumpulan maklumat atau data yang lebih khusus. Ia berbeza dengan pemerhatian biasa (Spradeley : 05)* Pengkaji akan Turut sama atau turun padang untuk melihat serta mencuba sendiri proses bagaimana pembuatan gasing dilakukan dan juga bagaimana permainan ini di jalankan. Dengan melihat sendiri proses pembuatan dan juga permainan gasing itu di jalankan, pengkaji akan dapat merasai sendiri pengalaman tersebut dan memperoleh maklumat yang lebih tepat lagi.

### **IV. Kaedah Temubual**

Temubual merupakan satu kes yang khusus melibatkan interaksi sosial di antara dua orang. Selain daripada masalah teknikal dan kesilapan yang mungkin berpunca daripada alat soal selidik itu sendiri atau rangka persempelan, bentuk

soalan temubual mempunyai kemungkinan untuk mencetuskan berbagai jenis bias ketidakselarasan dan ketidakjitaan.

*Ramai ahli sains sosial menghadapi masalah yang kritikal terhadap siasatan secara umumnya, dan kajian temubual secara khusus, sebagai alat mengumpul data dan telah menghasilkan perasaan pesimistik mengenai kemungkinan mengumpul data yang tidak bias melalui kaedah ini (T.R. Williams: 1957).*

Temubual yang dilakukan ini memerlukan pengkaji untuk menemuramah pihak-pihak yang berkaitan dengan kajian termasuklah tukang gasing, pengamal permainan gasing, penduduk setempat dan juga peminat setia permainan ini.

### **3.1.3 Pemilihan Informan**

Pemilihan informan di pilih berdasarkan kepada kriteria seperti umur, kaum dan taraf pendidikan. Pemilihan informan berdasarkan kepada kriteria ini adalah penting kerana ia akan dapat memberi maklumat yang lebih tepat terhadap kajian yang di jalankan. Golongan tua adalah menjadi keutamaan kerana golongan tua adalah lebih berpengalaman dan berpenglibatan serta minat mereka terhadap permainan tradisi lebih baik daripada golongan muda . Dengan ini mereka dapat memberi maklumat yang lebih tepat.

### **3.1.4 Kajian Internet**

Kajian internet turut digunakan sebagai alternatif pilihan dalam kajian ini. Laman web seperti [http://www.ppak.kelantan.edu.my/culture/gasing/sejarah\\_gasing.htm](http://www.ppak.kelantan.edu.my/culture/gasing/sejarah_gasing.htm) yang sedikit sebanyak menceritakan mengenai sejarah permainan gasing, perkembangan dan juga cara permainannya sedikit sebanyak akan dapat memberi alternatif pilihan maklumat kepada pengkaji.

### **3.2 Kesimpulan**

Dalam sesebuah kajian, maklumat yang diperolehi itu mestilah maklumat asli yang di perolehi berdasarkan kepada kaedah kajian yang di gunakan oleh pengkaji sepanjang kajian yang di jalankan. Maklumat tersebut mestilah maklumat yang asli dan tiada sebarang tokok tambah. Ianya mestilah maklumat sekunder supaya setiap maklumat yang diperolehi merupakan maklumat yang tepat dan sahih.

MALAYSIA  
UNIVERSITI  
KELANTAN



## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Masyarakat Melayu sememangnya kaya dengan seni warisan tradisional, dan tidak terkecuali adalah permainan tradisional seperti Gasing Uri Terbang. Melibatkan kepada sejarah permainan gasing ini yang dikatakan mempunyai asal-usul yang berbeza-beza mengikut tempat dan maka tidak hairanlah terdapat pelbagai jenis bentuk dan cara permainan yang dimainkan oleh sesebuah masyarakat tersebut. Dalam pembuatan Gasing Uri Terbang selalunya ianya dikaitkan dengan negeri Kelantan Darul Naim yakni sebuah negeri pantai timur yang kaya dengan seni permainan tradisionalnya, tetapi harus diingat bahawa bukan negeri Kelantan sahaja mempunyai permainan Gasing Uri Terbang akan tetapi terdapat sebuah lagi

negeri di pantai timur yang masih mengamalkan permainan tradisional ini iaitu negeri Terengganu Darul Iman.

Di negeri Terengganu, permainan tradisional ini lebih tertumpu di daerah Besut iaitu sebuah daerah yang bersempadan dengan negeri Kelantan Darul Naim. Disebabkan keunikan permainan ini membawa kepada minat yang berterusan dalam kalangan penduduk tempatan dan ianya diwarisi secara berzaman. Masyarakat kita menjadikan permainan ini sebagai aktiviti mengisi masa lapang. Oleh yang demikian, dalam kajian ini kita akan melihat bagaimana keunikan permainan ini diwarisi dan cabarannya dalam masyarakat moden kini.

#### **4.1 Peralatan Dalam Permainan Gasing Uri Terbang**

Dalam apa jua aktiviti atau permainan selalunya akan terdapat perkara yang menyokongnya. Dalam permainan tradisional selalunya akan terdapat peralatan yang diperlukan untuk menjayakan sesuatu permainan tersebut dan permainan gasing uri ini tidak terkecuali. Dalam permainan ini kebanyakan bahan atau peralatan yang digunakan berkait rapat dengan persekitaran masyarakat tersebut seperti kayu, tali, tanah dan sebagainya dan kos untuk mendapatkan bahan dan juga peralatan menghasilkan permainan ini boleh dianggap tidak sukar kerana peralatan yang diperlukan banyak disokong oleh persekitaran masyarakat desa kini. Faktor persekitaran yang menyumbang kepada kewujudan bahan mentah

seperti kayu dan tanah ini menjadikan proses untuk memulakan permainan ini menjadi lebih mudah. Oleh yang demikian, kita akan melihat antara peralatan penting yang perlu ada atau wajib ada dalam permainan gasing uri terbang ini.

#### **4.1.1 Kayu Gasing**

Kayu gasing merupakan antara elemen yang terpenting dalam penghasilan gasing. Semestinya tanpa kayu bagaimana boleh wujud sebiji gasing yang sempurna. Dalam permainan gasing terdapat pelbagai jenis kayu yang digunakan. Dalam permainan gasing uri terbang ini, para tukang atau pandai kayu lebih memilih kayu yang bersifat ringan seperti kayu Sebaru, Nangka, Rambai dan juga jering, kadang-kadang kayu seperti Merbau Turut digunakan dalam pembuatan gasing. Harus diingat bahawa, sesetengah daripada kita lazim mengetahui bahawa selalunya gasing dimainkan secara teknik memangkah dan teknik ini memerlukan gasing yang mempunyai kayu yang keras dan padu tetapi gasing uri terbang ini tidak memerlukan penggunaan kayu yang keras kerana disiplin permainan gasing uri terbang ini adalah melalui kiraan masa sesebuah gasing itu berpusing.

Kebanyakan gasing yang dibina dari kayu yang keras dan padu mempunyai beberapa kelemahannya seperti sukar untuk dilarik kerana terlalu keras dan boleh menumpulkan peralatan seperti pahat.



Gambar 1. Kayu gasing yang telah dibentuk dan menunggu untuk dilarik.  
(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Selain itu penggunaan kayu yang keras dan padu seperti Merbau boleh membawa kepada kerosakan struktur sesebuah gasing yang dibina dalam jangka waktu panjang, ini kerana kayu yang keras atau padu kebanyakannya mempunyai urat yang sempit dan rapat antara satu sama lain dan ini menyukarkan pengeringan kayu tersebut, penghasilan gasing daripada kayu yang tidak kering akan menyebabkan wujudnya ruang udara atau rongga pada titik pertemuan kayu dan juga timah bergantung kepada tahap penerimaan haba pada gasing tersebut. Para tukang berpendapat bahawa kecacatan sebegini boleh mempengaruhi tempoh pusingan sesebuah gasing tersebut.

Tukang gasing juga melihat aspek pemilihan kayu dari sudut mitos, antaranya kebanyakan tukang hanya mengambil kepingan kayu daripada tiga bahagian sesebuah pokok iaitu bahagian akar, batang dan juga dahan, sesetengah mereka menyatakan bahawa ketiga-tiga bahagian ini mewakili tiga bahagian anggota badan manusia iaitu kaki mewakili akar, batang mewakili badan dan dahan mewakili kepala. Ada tukang yang berpendapat jika mengambil kepingan kayu melebihi apa yang dinyatakan diatas maka kebanyakan gasing yang dihasilkan dari pokok yang sama boleh menyebabkan gasing yang dihasilkan menjadi “penakut” atau “pengecut”. Antara bahagian yang paling diminati atau menjadi pilihan utama tukang adalah pada bahagian akar, ini disebabkan faktor kayu pada akar yang berselirat serta wujud corak-corak yang cantik dan juga aneh menyebabkan gasing yang dihasilkan menjadi cantik dan sedap mata memandang.

#### **4.1.2 Lopok**

Alatan seperti lopok merupakan antara peralatan yang wajib ada dalam permainan gasing uri terbang ini. Kewujudan lopok ini boleh dikatakan sebagai pasangan kepada gasing atau lebih dekat golok dengan sarungnya. Fungsi lopok adalah sebagai satu tempat yang menjadi medan untuk gasing berpusing. Antara bahan yang diperlukan untuk mencipta lopok adalah batang kayu tidak kira jenis, tembaga atau besi yang berbentuk silinder contohnya batang besi paip dan yang

ketiga atau paling penting iaitu sekeping besi yang selalunya diambil dari jentera berat selalunya dipanggil “besi baja” dimana kepingan besi yang berbentuk bulat dan berukuran satu inci persegi menjadi medan untuk gasing berpusing atau titik pertemuan bagi paksi.



Gambar 2. Salah satu alat dalam permainan gasing iaitu lopok.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Pemilihan kepingan ini mestilah dari besi yang keras dan sangat berkualiti supaya paku atau paksi yang terdapat dibawah gasing dapat ditampung sepenuhnya. Teknik pembuatan lopok ini tidaklah sesukar membuat gasing kerana batang lopok hanya perlu dilarik dan bentuknya bergantung kepada tukangnyanya, besi tembaga yang berbentuk silinder bertindak sebagai penghalang atau pengetat

kepada kepingan besi yang perlu diletakkan diatas kayu yang telah dilarik supaya tidak bergerak atau berganjak. Kepingan besi yang ketiga tadi juga perlu diasah supaya menjadi tenggelam ditengah agar paksi atau paku gasing tertumpu di dalam lekukan tersebut dan tidak “merayau” merata-rata.

#### **4.1.3 Bong**

Dalam permainan gasing uri terbang, bong merupakan satu tempat atau medan bagi para pemusing melempar atau memusing gasing. Fungsi bong adalah supaya gasing yang dilempar tidak jatuh keatas tanah dan memudahkan tukang cokok untuk menyambut gasing yang berpusing diatasnya. Antara bahan utama menghasilkan bong ini adalah tanah liat. Hampir keseluruhan bahan yang digunakan adalah tanah liat. Pemilihan tanah liat adalah disebabkan faktor tanahnya yang lembut dan mampu melindungi gasing daripada rosak teruk akibat hentaman ketika proses memusingkannya.



Gambar 3. Gambar bong yang diperbuat daripada tanah liat.


(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Bentuk bong adalah segi empat sama dan diameternya adalah sekitar 36 inci bagi setiap bucu ke bucu. Setiap gelanggang permainan gasing mempunyai satu bong dan lokasi latihan dan lokasi perlawanan mempunyai bong yang berbeza tetapi dihasilkan dari bahan yang sama sahaja.



#### 4.1.4 Sudip/ cokok

Sudip atau cokok berfungsi sebagai alat yang menadah atau menyambut sesebuah gasing yang berputar di udara daripada jatuh terhempas ke tanah dan Turut menjadi alat untuk mengalihkan gasing yang sudah dapat disambut untuk diletakkan diatas lopok. Sudip diperbuat daripada kayu keseluruhannya dan bentuknya seakan-akan sudip yang digunakan dalam memasak. Panjang sudip adalah sekitar 6 inci dan lebar permukaan hadapannya adalah lingkungan 1 inci bergantung kepada pgunanya.



Gambar 4. Sudip atau cokok yang digunakan untuk menyambut gasing.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Sudip atau coker ini digunakan ketika sesebuah gasing dilemparkan di atas bong dan disentak naik, ketika kedudukan gasing yang dalam keadaan berterbangan inilah penggunaan sudip diperlukan untuk menadahnya. Dan ketika aksi menadah gasing di udara inilah merupakan antara detik yang paling mendebarkan bagi peminat permainan ini kerana pada waktu inilah menjadi titik penentu sama ada sesebuah gasing itu mampu pergi ke peringkat seterusnya atau tidak. Ini kerana gasing yang tidak dapat disambut atau ditadah semestinya tidak akan berpusing dan jatuh ketanah serta mati pusingannya.

Dalam latihan, situasi sebegini boleh dianggap tiada masalah kerana masih ada peluang untuk gasing tersebut dipusing lagi tetapi dalam pertandingan tiada istilah peluang kedua, pada waktu inilah tukang coker menjadi harapan sesebuah pasukan dan seseorang tukang coker semestinya mempunyai keberanian dan kepantasan yang melebihi orang lain.

#### **4.1.5 Tali**

Tali berkait rapat dengan gasing, bagaimana gasing mampu berputar tanpa adanya tali. Jika dahulu permainan gasing menggunakan tali dari tumbuh-tumbuhan seperti kulit kayu dan kenaf tetapi kini penggunaan unsure lebih moden seperti tali nilon sudah dapat dilihat dalam permainan gasing uri terbang ini. Tali nilon dikenali dengan sifatnya yang tahan lasak dan kuat, maka tidak hairanlah mengapa

para pengamal permainan ini sering menggunakannya dalam permainan gasing uri terbang ini.



Gambar 5. Tali dalam permainan gasing dan cara lilitan penyimpanannya.  
(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Panjang tali bagi seseorang pemusing adalah sekitar 7 atau 8 kaki bergantung kepada pemiliknya, harus diingat bahawa setiap tali mempunyai pemiliknya yang berbeza-beza dan tiada istilah “kongsi” dalam aspek pemilikan tali gasing kerana ada sesetengah para pemusing ini lebih suka menggunakan tali sendiri dan kesesuaian penggunaan tali milik sendiri lebih baik berbanding menggunakan tali milik orang lain yang mungkin berbeza kualiti dan panjangnya.

Setiap tali nilon mestilah disapu dengan sejenis getah daripada pokok kecupu iaitu sejenis pokok yang mana buahnya digunakan dalam penghasilan asam gelugor. Penggunaan getah pokok kecupu ini bertujuan untuk menguatkan lagi daya cengkaman antara tali dan permukaan gasing agar daya yang dihasilkan menjadi kuat dan gasing tidak mudah tergelincir dari tali ketika proses melilit dilakukan.

#### **4.1.6 Batang Buloh**

Batang buloh berfungsi sebagai lubang tempat lopok diletakkan ketika proses pengiraan detik waktu dilakukan, panjang buloh adalah sekitar 1 kaki dan berdiameter 1 hingga 2 inci bergantung kepada saiz lopok, buloh diruncingkan di bahagian bawah supaya memudahkan proses menanamnya di dalam tanah, cuba bayangkanlah, mampukah kita memegang sebiji gasing yang beratnya hampir 4 kilogram selama hampir 2 jam tanpa meletakkannya diatas lantai atau tanah, jadi di sinilah kegunaan batang buloh, untuk memudahkan proses permainan ini.



Gambar 6. Batang buloh yang ditanam kedalam tanah.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Simpulan atau ikatan tali raffia dikenakan pada bahagian atas buluh sebagai alat untuk menahan regangan daripada berat gasing yang boleh memecahkan buloh tersebut.

#### **4.1.7 Minyak Pelincir**

Minyak pelincir di sini bukanlah bermaksud minyak pelincir bagi kenderaan tetapi minyak pelincir ini adalah istilah bagi minyak masak yang digunakan untuk memastikan kelancaran gasing ketika berpusing di atas paksinya. Minyak



diletakkan setelah gasing berjaya dipusing dan disambut serta diletakkan ke atas lopok, tanpa minyak mungkin boleh menyebabkan kehausan pada paksi atau paku gasing dan sekaligus mempengaruhi kadar pusingan sesebuah gasing. Sehelai bulu digunakan untuk mencelup dan menyapu minyak pada paksi gasing, pemilihan bulu adalah dari bulu ayam atau burung.



Gambar 7. Minyak pelincir daripada sumber minyak masak dan kaedah penyimpanannya. (Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

#### 4.1.8 Getah Kecupu

Getah kecupu berfungsi sebagai satu bahan yang dilumurkan pada bahagian tali nilon supaya wujud cengkaman antara badan gasing pada tali. Getah kecupu diambil melalui teknik torehan, getah dari sejenis pokok yang dipanggil pokok

kecupu. Penggunaan getah dari pokok ini adalah kerana getah pokok kecupu berbeza dari susu getah dari sudut kepekatannya. Susu getah terlalu cair untuk digunakan dalam permainan gasing dan sebab itulah pemilihan getah kecupu kerana getah kecupu lebih bersifat keras dan kenyal.

#### **4.2 Teknik Pembuatan dan Penghasilan Gasing**

Dalam penghasilan Gasing Uri, terdapat pelbagai teknik yang dan kaedah yang digunakan dalam menghasilkan sesebuah gasing yang bermutu, bermula daripada aspek pemilihan kayu sehinggalah kepada aspek kekemasan, proses untuk menghasilkan gasing yang bermutu memerlukan kepakaran dan teknik yang betul, jika tidak ianya akan mempengaruhi gaya pusingan sesebuah gasing. Terdapat beberapa cara yang digunakan dalam penghasilan gasing uri, ianya merangkumi teknik tradisional serta manual. Untuk menghasilkan sesebuah gasing, tempoh yang diambil untuk menyiapkan sebuah gasing uri ialah sekitar dua hingga tiga hari bergantung kepada jenis kayu. Jika kayu yang digunakan sangat keras, maka proses penghasilannya sedikit memakan masa dan tenaga tukang. Selain kayu yang keras, tempoh masa penghasilan sebiji gasing turut dipengaruhi oleh alatan yang lain seperti pahat, gerudi, gergaji dan sebagainya. Alatan yang tumpul melambatkan proses penghasilan sesebuah gasing. Dalam aspek pembuatan

gasing, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira dalam proses penghasilan sesebuah gasing seperti berikut:

#### **4.2.1 Pemilihan Kayu**

Dalam aspek pemilihan kayu, para tukang Turut menggunakan apa yang dikatakan istilah bertuah dan juga keramat dalam aspek pemilihan kayu dalam pembuatan gasing uri. Pemilihan kayu dari aspek tiga bahagian Turut ditekankan ketika proses memilih kayu, iaitu bahagian umbi, batang dan juga cabang. Ketiga-tiga bahagian ini dikatakan mewakili tiga bahagian badan manusia iaitu bahagian bawah iaitu akar atau umbi mewakili anggota kaki, bahagian tengah batang yang mewakili anggota badan manusia dan juga bahagian atas iaitu cabang yang mewakili kepala manusia. Kononya ada sesetengah tukang gasing percaya, pengambilan kayu yang banyak pada sebatang pokok boleh melunturkan semangat kayu-kayu yang lain walaupun berasal dari pokok yang sama. Penggunaan kayu dari jenis seperti sebaru, merbau dan juga kayu jering disebabkan faktor kayu jenis ini yang mudah kering. Kayu yang sudah kering akibat dijemur boleh membantu meningkatkan jangka hayat sesebuah gasing yang dihasilkan. Ini disebabkan, janka hayat gasing selalunya banyak dipengaruhi oleh tahap kerenggangan antara bahagian kayu dan timah, kerenggangan di sini bermaksud kewujudan kawasan yang berongga pada badan gasing iaitu pada



bahagian sempadan antara kayu dan timah. Kewujudan bahagian berongga disebabkan oleh faktor kayu yang masih basah atau masih mempunyai kandungan air didalamnya, semakin lama gasing itu tededah kepada suhu dan haba, maka semakin tinggilah risiko untuk berlaku pengucupan pada bahagian kayu dan kes sebegini seterusnya membawa kepada kerosakan pada gasing. Dengan sebab inilah, kayu yang keras jarang digunakan dalam aspek pembuatan gasing uri disebabkan faktor kesukarannya untuk mencapai tahap pengeringan yang optimum.



Gambar 8. Kayu yang masih belum dibentuk perlu ditanda terlebih dahulu.  
(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

#### 4.2.2 Pemrosesan Kayu Gasing

Selepas selesai proses memilih kayu, Para tukang gasing akan membentuk kepingan kayu yang telah dipilih dalam bentuk bulatan atau selinder berukuran lilit enam sentimeter dan ketebalannya sekitar satu inci bagi setiap kepingan kayu. Harus diingat juga bahawa setiap kayu yang dipilih mesti ditebang atau dibelah mengikut urat kayu, bukan lawan kayu kerana kepingan kayu gasing yang mengikut urat kayu akan memberikan daya tahan kayu yang lebih kuat dan sukar untuk dipecahkan. Setelah kayu dibentuk menjadi bulat, kayu tersebut akan ditebuk lubang ditengah-tengah pusat lilit kayu tersebut dengan menggunakan gerudi yang akan bertindak sebagai bahagian lubang untuk dimasukkan kayu patak yang telah dilarik berasingan. Saiz bagi lubang tersebut adalah empat ohm bergantung kepada tukang gasing tersebut. Fungsi kayu patak di sini adalah sebagai pemegang atau tangan yang akan bertindak memusingkan kayu gasing ketika proses melarik dan memperbetulkan sebarang ketidakseimbangan yang terdapat pada kayu tersebut.

Setiap kayu patak ditandai dengan satu titik atau lubang sebesar kepala jarum di setiap posisi hujungnya yang akan bertindak sebagai titik sentuh serta pemegang kayu gasing dengan mesin larik ketika proses melarik dilakukan. Setelah kayu patak yang telah dilarik berasingan dengan kayu gasing telah siap dilarik mengikut saiz lubang yang dikehendaki, maka kedua-dua elemen tersebut

akan dicantumkan dengan menggunakan sejenis gam yang dipanggil gam susu atau gam putih, setelah selesai percantuman, selalunya ianya akan dibiarkan kering selama beberapa jam sebelum proses melarik dilakukan.

#### **4.2.3 Proses Melarik dan Membentuk Kayu Gasing**

Setelah kayu gasing dan kayu patak telah bercantum dengan sempurna, pada masa itulah proses melarik kayu gasing boleh dilakukan. Proses melarik dilakukan bertujuan untuk menyeimbangkan kayu dan pusingan kayu gasing tersebut supaya tidak wujud sebarang cacat cela pada badan gasing kerana ianya akan mempengaruhi keseimbangan gasing dan mencacatkan pandangan. Proses melarik ini dilakukan dengan menggunakan alatan utamanya iaitu pahat berbagai jenis dan bentuk, antaranya seperti pahat tiga mata, pahat dua mata dan juga pahat satu mata atau lebih mudah difahami pahat tiga sisi, dua sisi dan satu sisi, kegunaan pahat tiga mata atau sisi adalah ketika proses membina alur atau ruang untuk timah, sifat pahat ini yang runcing membantu ketika proses mendalamkan bahagian alur tersebut di samping kelebihannya yang mempunyai tiga serampang mata yang membolehkan para tukang membuat pilihan jika bahagian sisi yang lain telah tumpul.



Gambar 9. Kedudukan tangan dan pahat ketika melarik.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Pahat dua mata pula bertindak ketika proses melarik badan kayu, dua sisi pahat memberi pilihan kepada tukang untuk memilih bahagian sisi yang lebih tajam. Tapi harus diingat bahawa aspek paling utama yang harus ditekankan ketika proses melarik menggunakan pahat, kedudukan kedua-dua tangan harus tetap dan tiada pergerakan yang boleh menyebabkan pusingan kayu gasing menjadi cacat atau tidak sempurna, biar tangan dan pahat yang dipegang menentukan bentuk dan saiz kayu yang dikehendaki, jangan bentuk kayu itu pula yang mempengaruhi pahat dan kedudukan tangan.

#### **4.2.4 Memasang Kepala Gasing**

Proses pemasangan kepala gasing bermula setelah selesai proses melarik kayu gasing, kepala gasing akan dipasang pada bahagian atas dan tengah kayu mengikut lubang pada kayu gasing dan kayu patak. Dalam aspek pembuatan kepala gasing ini dapat dilihat beberapa evolusi atau perubahan dari segi aspek penggunaan bahan dan juga rekabentuknya . Sebelum tahun 2005, kebanyakan kepala gasing dicipta atau dibina melalui cantuman gegelung aluminium yang diambil dari batang paip atau peralatan elektrik dan tanduk kerbau. Kedua-dua bahan ini digabungkan menggunakan gam susu. Setelah itu, kedua-dua bahan ini akan dilarik bersama untuk menghasilkan bentuk kepala gasing yang sekata bentuknya, ukur lili kapala gasing adalah satu setengah inci dan tingginya adalah setengah inci sahaja bergantung kepada kehendak tukang yang membuatnya.



Gambar 10. Bentuk kepala gasing dan lurah untuk timah.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Bentuk kepala pada waktu ini lebih kurus atau kecil berbanding sekarang yang bersifat lebih besar dan sedikit gemuk. Tetapi selepas itu, jenis bahan yang digunakan untuk membuat kepala gasing berubah hampir sepenuhnya daripada penggunaan tanduk kerbau dan batang aluminium atau tembaga kepada penggunaan unsur kayu sepenuhnya.

#### 4.2.5 Memasak Timah

Memasak timah merupakan antara kerja yang paling berbahaya dalam pembuatan gasing. Ini kerana timah yang panas mendidih boleh membawa kecederaan kepada mereka yang menyentuhnya. Dalam aspek pembuatan gasing, terdapat dua sumber

bahan mentah timah yang diperolehi iaitu dari sumber bateri sel basah iaitu bateri kenderaan bermotor dan juga timah yang dikitar daripada gasing yang sudah rosak atau mudah dipanggil proses kitar semula. Dari segi penggunaan sel basah kenderaan, kuantiti yang diperlukan untuk sebiji gasing adalah dua biji bateri dari jenis lori, empat biji dari bateri kereta dan dua belas biji bateri bagi kenderaan motosikal.

Proses memasak timah dilakukan dengan meletakkan kepingan timah sekitar lima kilogram kedalam kualiti untuk proses pencairan dengan menggunakan suhu sekitar 100 darjah celcius. Ketika menunggu proses pencairan timah yang akan memakan masa sekitar 15 minit untuk cair sepenuhnya, kayu gasing yang telah siap dilarik kepala dan alur timah akan diletakkan didalam acuan untuk proses memasukkan timah. Acuan berfungsi untuk proses pembentukan timah yang sekata dengan kayu. Setelah timah cair maka proses menuang akan dilakukan dengan mencurahkan timah yang masih panas mendidih kedalam acuan yang telah tersedia tadi secara perlahan-lahan.





Gambar 11. Proses menuang timah ke dalam acuan.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

#### 4.2.6 Melarik Timah Gasing

Di sini berlaku sekali lagi proses larikan yang menggunakan mesin larik. Dalam masyarakat tradisional, mesin untuk melarik ini lebih dikenali sebagai bindu, rekabentuk bindu adalah berbentuk segi empat, mempunyai empat tiang, tinggi sekitar 34 inci dan lebar 20 inci. Terdapat dua bilah besi bermuncung antara bilah pada bindu yang berfungsi sebagai pemegang kayu patak ketika proses melarik dilakukan. Untuk memulakan proses melarik, kayu gasing yang telah siap dituang dengan timah tadi akan disambungkan atau dipasang pada alat bindu, melalui perantaraan kayu patak timah dapat dilarik mengikut bentuk dan keadaan yang dikehendaki. Proses melarik timah ini hanya menggunakan pahat bersisi tiga atau



pahat yang mempunyai tiga mata yang tajam. Ini disebabkan pilihan pahat ini lebih dan tidak perlu diasah berulang kali kerana ianya akan mengangu perhatian para tukang.



Gambar 12. Bentuk pahat yang berbagai.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Timah yang masih panas lebih mudah dilarik berbanding yang sudah sejuk dan bahan timah cepat menyebabkan pahat menjadi tumpul. Ketika proses melarik, tangan mesti pegun dan sentiasa kekal pada kedudukan supaya sebarang pergerakan tidak mencatkan atau mencalarkan permukaan timah, tangan mesti digerakkan hanyalah ketika mahu membentuk timah pada gasing.



Gambar 13. Proses melarik timah.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Setelah selesai proses melarik, kayu patak yang bersama dengan gasing akan dipisahkan dari bindu dan kayu patak akan dipotong untuk memisahkannya dari gasing yang telah hampir siap itu. Selepas itu proses memasukkan paksi akan dilakukan.

#### **4.2.7 Memasang Paksi**

Memasang paksi merupakan antara langkah yang paling penting dalam aspek pembuatan gasing. Proses ini akan menentukan tahap keseimbangan sesebuah gasing yang baru dihasilkan. Paksi merupakan bilah besi seakan-akan paku yang diambil dari kenderaan bermotor, bahagian dalam enjin seperti besi bearing menjadi antara pilihan paksi oleh para tukang kerana besinya yang sangat keras dan tahan haba. Permulaan proses ini adalah melalui paksi yang telah dipilih akan dipertajamkan pada satu bahagian. Selepas itu, bahagian titik pusat pada bawah gasing akan ditebuk dengan gerudi mata kecil sebagai ruang untuk paksi, selepas itu tukang akan menyeimbangkan kedudukan gasing berdasarkan kedudukan paksi yang telah dipasang tadi mengikut kesesuaian dan kehendak para tukang.

#### **4.2.8 Pemasangan Hiasan dan Pemotek**

Aspek yang terakhir dalam pembuatan gasing uri terbang adalah proses memasang jambul atau pemotek pada bahagian kepala gasing. Pemotek dihasilkan juga melalui teknik larikan, terdapat dua jenis utama iaitu dari jenis aluminium dan juga kayu, panjang pemotek adalah dari 2 inci hinggalah yang paling panjang iaitu 7 inci.



Gambar 14. Jenis pemotek atau jambul gasing.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Lubang pada bahagian atas gasing akan ditebuk untuk diletakkan pemotak gasing dan seterusnya dilekatkan dengan menggunakan gam. Ketepatan kedudukan pemotak akan dilakukan melalui beberapa percubaan memusing gasing dengan tangan, Jika terdapat sebarang masalah, para tukang akan membetulkan kedudukan pemotak mengikut kehendaknya.. Setelah siap, gasing akan dipererkemaskan dan dilap untuk menyerlahkan keindahannya.

### **4.3 Cara Permainan Gasing**

Dalam apa jua permainan dan acara tidak kira yang bersifat tradisional atau moden mestilah mempunyai teknik dan kaedah permainannya. Cara permainan merujuk kepada kaedah dan teknik yang digunakan ketika proses permainan berlaku, dalam permainan gasing uri terbang ini, kaedah dalam permainan gasing iri terbang ini lebih berdasarkan kepada logik dan kreatif masyarakat tersebut. Setiap teknik dan kaedah dalam permainan ini mempunyai tahap yang tertentu dan ianya banyak membantu melancarkan permainan ini. Setiap individu dalam pasukan mempunyai kemahiran yang tersendiri, bermula daripada teknik melilit hinggalah kepada memusing, semuanya dilakukan oleh individu yang berbeza, jadi di sinilah wujud keseimbangan dimana bukan hanya seseorang individu sahaja yang penting dalam pasukan tetapi semua ahli pasukan sama penting dan saling memerlukan antara satu sama lain.

#### **4.3.1 Melilit Tali**

Dalam aspek melilit gasing penggunaan tali harus sesuai dengan gasing yang hendak dipusing terutamanya dari sudut saiz dan panjangnya, panjang tali boleh mempengaruhi kadar pusingan gasing, makin panjang tali maka semakin tinggi peluang gasing tersebut akan berputar laju, dalam istilah para pemain gasing

dipanggil “cukup belit”. Tali yang terlalu panjang juga tidak sesuai kerana ianya boleh mendatangkan masalah kepada para pemusing, panjang tali yang optimum adalah sekitar 14 kaki. Untuk memulakan proses lilitan, tali terlebih dahulu akan diikat pada pangkal pokok atau tiang yang kuat dan kukuh untuk menahan tenaga lilitan individu yang melakukan tugas melilit .

Teknik melilit tali gasing pada turut mempunyai caranya yang tersendiri. Pada permulaan proses lilitan, kepala tali akan dilekatkan pada kepala gasing, tapi harus diingat bahawa tugas melilit tali gasing pada gasing ini bukanlah dilakukan oleh pemusing tetapi tugas ini dilakukan oleh individu yang khas dimana tugas mereka adalah untuk melilit tali pada gasing, permulaan lilitan tali pada gasing, pelilit akan menekan kepala tali pada kepala gasing dengan kuat diikuti dengan lilitan sekitar tiga kali pusingan lilit badan gasing dan selepas itu barulah penggunaan tenaga yang sederhana dikenakan ketika proses melilit dilakukan.



Gambar 15. Proses melilit tali pada gasing.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Penamat kepada proses lilitan ini adalah sehingga tepi tali mencecah bibir timah dan selepas itulah para pelilit ini akan menyerahkan tugas yang seterusnya iaitu tugas memusing kepada para pemusing.

#### **4.3.2 Memusing Gasing**

Waktu memusing gasing merupakan antara detik yang paling mendebarkan dalam permainan ini, hidup mati sesebuah gasing itu ditentukan samada ianya dapat dipusing atau tidak oleh pemusing. Antara syarat yang dikatakan perlu bagi



seseorang pemusing itu untuk memusing gasing adalah seorang yang sihat, bertubuh kasar dan lasak. Kebanyakan para pemusing gasing uri terbang negeri Terengganu terdiri daripada lelaki yang besar dan sihat tubuh badannya, hanya terdapat 3 orang sahaja pemusing yang mempunyai saiz tubuh yang sederhana didalam satu kumpulan pemusing yang terdiri daripada 10 orang pemusing.



Gambar 16. Teknik dan kedudukan ketika proses memusing.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Kedudukan seseorang pemusing ketika hendak melempar atau membaling gasing adalah seperti posisi hendak melemparkan sesuatu kearah hadapan, kaki



kiri digerakkan sedikit ke hadapan berbanding kaki kanan manakala kaki kanan dibelakang bertindak sebagai penunjang ketika proses melempar gasing dilakukan. Tumpuan pemusing akan terfokus kepada bong atau gelanggang tanah liat yang hanya berukuran 2 kaki x 2 kaki. Kebanyakan pemusing sudah mempunyai pengalaman yang memandai untuk mereka diberi tugas memusing gasing, tidak kira ketika waktu latihan atau perlawanan. Pada hari perlawanan merupakan antara waktu yang paling mendebarkan bagi seseorang pemusing kerana pada hari tersebut sebarang kesilapan pusingan gasing sudah tidak boleh diperbetulkan lagi dan bersifat muktamad ditambah pula dengan kewujudan penonton yang mengelilingi gelanggang mampu menambahkan lagi rasa berdebar kepada para pemain.

Dalam perlawanan, peraturan pertandingan adalah, tuan rumah akan diberi keutamaan untuk memulakan pusingan didikuti oleh pihak lawan secara bergilir-gilir hinggalah kepada yang terakhir atau penghabisan. Gasing yang pertama dipusing bagi setiap pasukan dipanggil “ibu”, manakala yang paling akhir dipanggil “ngujung” atau “mocok” yang bermaksud penghujung.

### 4.3.3 Menyambut Gasing/ Mencokok Gasing

Selepas gasing dipusing, di sinilah tugas tukang cokok atau penyambut gasing bermula, Selepas gasing dipusing, kedudukan gasing yang berada di udara dan mempunyai berat sehingga 5 kilogram membuatkan sesiapa sahaja yang melihatnya menjadi takut, mungkin kerana ianya mampu mencederakan seseorang, tetapi di sini tukang cokok sudah sedia menghadapi sebarang situasi yang tidak diingini. Lengkap dengan cokok berukuran lebar 1 inci dan panjang 5 inci, dihasilkan daripada kayu dan menyambut gasing dengan gaya yang tersendiri. Di sinilah wujud apa yang dikatakan detik paling menarik dalam permainan gasing uri terbang ini. Pada waktu dahulu gasing dicokok ketika ia berpusing diatas bong tetapi di sini gasing dicokok ketika ianya berterbangan diudara dan ligat berpusing, kedudukan paksi yang sedikit tenggelam kedalam badan gasing menyukarkan lagi tukang cokok untuk meramal kedudukan paksi.



Gambar 17. Tukang cokok bersedia menyambut gasing.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Oleh sebab itulah hanya segelintir yang berani dan berbakat sahaja yang mampu menggalas tugas ini. Kelebihan meramal kedudukan paksi gasing dengan tepat supaya ianya jatuh tepat diatas kayu cokok membuatkan mereka yang menjalankan tugas ini mendapat sanjungan dan perhatian ramai. Gasing yang telah dicokok atau disambut akan dialihkan kepada lopak oleh tukang cokok dan seterusnya menyerahkan tugas meletak gasing yang masih ligat berputar kepada individu yang ditugaskan untuk meletakkannya diatas cagak buluh yang ditanam di dalam tanah. Harus diingat jika kedudukan gasing masih lagi tidak tegak, ahli pasukan akan bertindak membetulkan dengan menggunakan tali, cara untuk menegakkan kedudukan gasing pula adalah dengan menarik jambul atau pemotek

gasing dengan tali halus dari arah mana gasing condong, iaitu mengikut kecondongan gasing, bukan berlawanan dengan kecondongannya.



Gambar 18. Keadaan posisi ketika meletakkan lopak ke dalam batang buloh. (Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

#### 4.4 Undang-Undang Permainan Gasing Uri Terbang

Semua permainan mempunyai undang-undang dan ianya bertindak melancarkan lagi perjalanan sesuatu perlawanan. Dalam permainan gasing uri terbang terdapat beberapa peraturan yang perlu dipatuhi oleh pemain, penonton dan juga keseluruhan pasukan yang beraksi. Antara peraturannya adalah setiap pasukan

mesti mempertaruhkan 9 biji gasing dalam setiap pusingan atau “nagang” bagi istilah pemain gasing, tidak boleh lebih dan juga kurang. Selain itu juga, setiap gasing tidak kira milik tuan rumah atau pihak lawan akan diukur terlebih dahulu dengan menggunakan sejenis gelung besi supaya tidak terdapat gasing yang melebihi saiz yang dibenarkan kerana peraturan menghadkan saiz gasing, gasing yang tidak melepasi ujian ukuran tidak boleh dipertandingkan pada hari perlawanan.

Dalam setiap perlawanan terdapat lima pusingan permainan atau lima nagang, undang- undang seperti pihak lawan tidak dibenarkan masuk kedalam gelanggang milik pihak lawan yang lain. Dalam lima nagang atau set, kemenangan bagi sesuatu perlawanan hanya akan dikira pada nagang yang terakhir atau lebih mudah difahami set atau nagang yang terakhir yang mempengaruhi sesuatu kemenangan dan set yang pertama hingga keempat hanyalah sebagai aksi pemanas badan sahaja. Gasing-gasing yang akan beraksi untuk set yang terakhir mestilah merupakan gasing yang masih hidup mengikut istilah penggiat atau lebih mudah difahami sebagai gasing yang tidak pernah kalah sebelum ini, jika sesebuah gasing itu pernah kalah, maka peluangnya untuk beraksi dalam set terakhir atau dalam istilah penggiat iaitu “Dalam janji” akan tersekat melainkan jika ianya dapat “Dihidupkan” kembali atau menang dalam pertandingan yang seterusnya didalam set yang pertama dan keempat sahaja.

Dalam 5 set atau pusingan permainan ini, setiap set akan diwakili oleh 9 biji gasing.

Waktu memulakan set pertama adalah pada pukul 10.00 pagi hingga 10.30 pagi dan seterusnya disambung dengan set yang kedua selang 30 minit kemudian. Set yang ke 3 akan dimulakan pada pukul 12.30 tengah hari dan begitulah seterusnya. Manakala set yang terakhir iaitu “Dalam janji” atau penentu kemenangan akan dimainkan pada pukul 3.30 petang dan selalunya akan tamat sekitar pukul 6.00 petang. Gasing yang berpusing paling lama akan memenangi pertandingan dan pihak yang kalah akan terus berkunjung ke tempat pihak lawan sehinggalah pasukannya dapat merampas kembali dengan memenangi pertandingan yang seterusnya yang hanya diadakan sebulan sekali dan pada hari Sabtu sahaja untuk membawa pulang hak sebagai tuan rumah.

#### **4.5 Lokasi dan Waktu**

Dalam permainan gasing uri terbang ini, terdapat hanya satu hari pertandingan dalam sebulan yang khusus untuk permainan gasing, harinya pula adalah pada hari Sabtu dan juga awal bulan, jika terdapat sebarang pindaan, contohnya jika berlaku bencana alam seperti banjir ataupun tarikh pertandingan yang bertentangan dengan hari perayaan, dengan budi bicara dan persetujuan kedua-dua pihak, mereka akan menunda tarikh perlawanan mengikut persetujuan tetapi tetap pada

hari sabtu. Bagi faktor lokasi, kawasan tanah yang lapang akan menjadi keutamaan disebabkan faktor memudahkan lagi pergerakan pengunjung dan juga para pemain. Lokasi pertandingan akan ditentukan melalui mesyuarat antara ahli, jika sesebuah tempat sebelum ini pernah mengalami kekalahan, selalunya lokasi pertandingan akan dipindahkan, disebabkan faktor tidak sesuai dengan pasukan. Untuk memilih lokasi yang baru, biasanya akan ada ahli yang secara sukarela menawarkan tempat yang sesuai untuk dijadikan lokasi pertandingan dan setelah lokasi dikenalpasti barulah ahli pasukan akan bergotong-royong membersihkan dan mempersiapkan kawasan tersebut untuk dijadikan gelanggang pertandingan. Dalam setahun hanya diadakan pertandingan sebanyak 12 kali. Itu tidak termasuk pertunjukan atau undangan pihak swasta seperti pertunjukan permainan tradisional di Suarasa dan Jom Heboh milik syarikat Media Prima seluruh negara.

#### **4.6 Pantang Larang dan Kepercayaan**

Pantang larang banyak dikaitkan dengan pegangan hidup masyarakat silam dan tidak terkecuali dalam aspek permainan tradisional gasing ini. Antara pantang larang dan kepercayaan yang masih diamalkan bermula dari sudut pengambilan kayu, hinggalah ketika waktu permainan dan juga pertandingan. Waktu untuk menebang perlu ketika waktu matahari sedang naik, ketika proses penebangan pula, orang yang menebang pokok tersebut mestilah menghadap kearah kiblat



bukan membelakangi kiblat. Terdapat juga kepercayaan bahawa dalam sebatang pokok hanya 3 keping kayu sahaja yang boleh diambil iatu dari bahagian akar, batang dan juga cabang, jika diambil berlebihan berkemungkinan akan menyebabkan kayu menjadi “penakut” disebabkan bilangan yang banyak, tetapi jika terdapat kayu yang pernah memenangi pertandingan dengan kerap, pokok yang sama asal dengan kayu tersebut akan ditebang lagi sebagai cara untuk mendapatkan semangat dan kehebatan kayu tersebut. Terdapat juga segelintir penggiat yang mengambil kayu untuk dibuat gasing daripada sifat dan sejarah kayu atau pokok tersebut, contohnya jika rupa dan keadaan pokok itu yang seakan-akan bentuk benda hidup ianya akan menarik perhatian untuk ditebang, lokasi pokok yang menarik seperti tumbuh betul-betul di tengah padang dan bersifat tunggal turut akan menarik minat penggiat untuk ditebang. Disebabkan keadaan dan lokasi pokok yang sangat berbeza dengan pokok-pokok yang lain menyebabkan penggiat berfikir bahawa pokok tersebut mempunyai keistimewaan dan kelebihan yang tersendiri. Ketika permainan pula, pantang larang dan kepercayaan seperti hendak turun diawal pagi padi hari pertandingan mesti dimulai dan dikepalai oleh seorang bomoh yang mahir dari sudut kedudukan arah. Contohnya jika hendak memulakan langkah menuju ke gelanggang, bomoh akan menentukan arah ketika hendak turun dari tangga rumah lagi mengikut firasatnya dan diikuti oleh penggiat yang ada bersamanya, ini disebabkan faktor ingin “memagar” atau lebih mudah disebut dengan istilah melindungi gasing milik



pasukan daripada dicerobohi oleh pihak lawan dengan cara yang mistik atau ghaib.

#### **4.7 Perbincangan**

Pengkaji akan menerangkan mengenai ilmu tersirat yang wujud didalam permainan gasing. Permainan ini bukan hanya sekadar pusingan gasing semata-mata tetapi ianya juga perlu dilihat dari pelbagai aspek yang mampu membuatkan kita berfikir dan tertanya-tanya diri sendiri bagaimana ianya berlaku dan terjadi. Bukan sahaja permainan yang dapat kita lihat tetapi kita mampu mewujudkan hubungan sillaturahim dan interaksi sosial sesama masyarakat seiring dengan matlamat permainan tradisional yang ingin memupuk hubungan positif antara masyarakat. Di dalam permainan sebegini, masyarakat dapat memupuk ilmu dan percambahan minat dan idea antara yang tua dan muda, dimana minat dan idea dapat disalurkan secara langsung. Penglibatan masyarakat yang berbeza latar belakang, tempat tinggal dan juga pendidikan memberi satu keistimewaan kepada permainan ini. Masyarakat dapat berhibur dan mengurangkan tekanan kerja disamping mengekalkan tradisi permainan tradisional supaya tidak pupus ditelan arus kemodenan zaman.

#### 4.7.1 Pembelajaran dan Pengajaran dalam Permainan Gasing

Dalam aspek pembelajaran, kebanyakan penggiat permainan gasing mewarisi kemahiran dan seni pembuatan gasing daripada keluarga yang terdekat seperti dari ayah ke anak, antara rakan-rakan dan juga minat yang mendalam disebabkan faktor persekitaran yang menyokongnya untuk menceburi bidang ini, walaupun tidak mempunyai kelebihan seperti mendapat wang ringgit, tetapi bagi setiap penggiat permainan gasing, istilah kepuasan merupakan faktor utama mereka menceburi permainan ini, ditambah pula dengan pengorbanan wang ringgit tetapi jika dalam pertandingan, kemenangan dapat dicapai, semua penat lelah dan wang ringgit yang telah dilaburkan selama ini akan berbaloi dengan kepuasan yang tidak dapat digambarkan dengan kata-kata. Jika dinilai mengapa sekarang hanya segelintir sahaja remaja masa kini yang meminati permainan tradisional, mungkin hana sedikit sahaja. Ini dapat kita jadikan perbezaan mengapa hanya kaum yang tua sahaja yang meminati permainan gasing ini, perkara pertama yang dapat dilihat ialah dari sudut persekitaran sesebuah masyarakat itu, dalam permainan gasing ini, hanya mereka yang berada di sekitar kawasan tersebut yang terdiri daripada daerah yang bersebelahan dengan lokasi permainan ini aktif, masyarakat sekeliling itu terdedah dengan permainan tradisional dan ini menimbulkan minat dalam diri mereka untuk cuba mengenali dan memahaminya berbanding masyarakat yang langsung tidak tahu apa itu gasing uri terbang. Masyarakat tua atau veteran lebih terdedah dengan permainan tradisional disebabkan faktor

persekitaran mereka pada waktu silam yang banyak menjurus kepada aktiviti yang bersifat tradisional dan kekampungan ditambah lagi dengan pilihan aktiviti permainan yang terhad, tetapi masyarakat kita sekarang lebih terdedah kepada berbagai anasir luar tidak kira batasnya, permainan tradisional seperti gasing semakin dipinggirkan kerana masyarakat kita semakin memandang sesuatu yang mampu memberi faedah kepada mereka, wujud sifat penting diri sendiri, semakin leka dengan permainan moden yang bersifat elektronik, moden, senang dimainkan serta, menarik. Pendedahan yang berterusan oleh mereka yang berpengalaman mampu membawa kepada minat. Melalui bimbingan yang berterusan dari pakar mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang baik. Sokongan dari ibu bapa juga menjadi antara faktor penting dalam proses memupuk minat generasi muda. Kebanyakan pengamal sekarang mendapat sokongan daripada ibu bapa mereka yang turut meminati permainan ini, ini dibuktikan apabila kebanyakan penggiat sekarang mewarisi kaedah permainan gasing daripada ibu bapa dan juga saudara yang terdekat.

#### 4.7.2 Permasalahan Dalam Permainan

Dalam apa sahaja permainan dan juga organisasi tidak boleh lari daripada sebarang masalah. Dalam permainan gasing uri, terdapat beberapa permasalahan yang sukar untuk dielakkan seperti masalah peruntukan kewangan, kekurangan bahan mentah, bilangan tukang dan pemain yang semakin berkurang serta masalah pembahagian tugas atau masalah pengurusan. Dari sudut permasalahan kewangan, pasukan hanya mendapat dana melalui yuran yang dibayar oleh setiap pemain sebanyak RM50.00 iaitu yuran bagi satu bulan, tetapi yuran yang dibayar hanyalah tertakluk kepada bilangan kampung yang terlibat sahaja dan nama kampung mewakili 9 biji gasing yang akan dipertandingkan dalam setiap set atau nagang sahaja. Jika 50 didarab dengan 9 akan menghasilkan 450 maka sebanyak itu sahajalah perbelanjaan yang diperolehi oleh pasukan tersebut melainkan jika terdapat sebarang sumbangan individu atau penambahan sumber kewangan dari punca sewaan tapak jualan pasar ketika hari pertandingan. Semua sumber kewangan akan diperuntukkan untuk kegunaan upah bomoh, kenduri dan juga pengangkutan. Peruntukan yang paling banyak adalah kepada bomoh, jika dilihat kepada bilangan bomoh yang terdiri dari dua atau tiga orang bergantung kepada suasana perlawanan, setiap bomoh dibayar sebanyak RM50.00 dan mereka ditugaskan melindungi gasing daripada gangguan pihak lawan dan turut ditugaskan untuk menyerang gasing pihak lawan dengan harapan dapat memamatkan pusingan gasing tersebut dengan bantuan ilmu mistik. Jika 50 didarab

dengan 3 maka terhasillah 150, dan peruntukan hampir 40% digunakan untuk menggunakan khidmat mereka. Jika difikirkan secara logik, adakah penentu kemenangan terletak pada bantuan bomoh?. Sudah tentu tidak kerana banyak faktor yang mempengaruhi pusingan gasing bermula dengan aspek pusingan, proses ketika disambut, kualiti bahan atau paksi gasing dan juga faktor cuaca atau kelajuan angin. Masalah sebegini disebabkan faktor pemimpin atau organisasi atasan pasukan yang terdiri daripada mereka yang berpegang dan mempercayai khidmat bomoh, disebabkan pernah mendapatkan khidmat bomoh melalui permasalahan yang lain dan pernah berhasil menyebabkan khidmat bomoh masih diperlukan untuk permasalahan yang lain pula. Wujud sekelompok penggiat yang tidak mempercayai khidmat bomoh dalam permainan gasing ini, tetapi oleh sebab tiada kuasa dan suara, maka sebarang pandangan hanyalah dipandang sepi, di sini dapat dilihat kepentingan kuasa dan pengaruh pemimpin mampu mempengaruhi keputusan dan juga organisasi tersebut.

Dalam pembuatan gasing, kos bagi sebiji gasing adalah hampir RM 100.00. Kos ini termasuklah bahan mentah seperti timah dan hiasan gasing. Manakala upah bagi pembuatan pula adalah atas budi bicara tukang. Semua kos ini ditanggung oleh pemilik gasing.

### 4.7.3 Pembahagian Nagang

SENARAI KEDUDUKAN GASING  
KAMPUNG GONG DUEK, JERTEH, TERENGGANU  
(03/07/2010) bersamaan 20 REJAB 1431

NAMA KAMPUNG	KEDUDUKAN NAGANG			
	1	2	3	4
DARAU	2	8	3	7
GONG DUEK	1	9	4	6
GONG NERING	8	2	6	4
TELAGA NIBONG	9	1	5	5
SELASIH	7	3	2	8
TENANG	6	4	7	3
PASIR AKAR	5	5	9	1
KERANDANG	3	7	1	9
GAUNG	4	6	8	2

Gambar 19. Jadual kedudukan gasing yang akan dipertandingkan.

(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Gambar ini menerangkan mengenai sistem pembahagian kedudukan gasing dan juga pemain dalam pertandingan. Nama kampung mewakili 9 cabang pasukan dalam kumpulan gasing negeri Terengganu ini. Kedudukan nagang bermaksud bilangan set atau pusingan yang dimainkan pada hari pertandingan. Nagang 1 hingga 4 bermaksud pusingan pertama hinggalah yang keempat dan tidak termasuk pusingan

yang kelima iaitu yang terakhir kerana pusingan yang terakhir ditentukan secara budi bicara dan melihat kepada prestasi semasa gasing semasa latihan. Nama kampung juga mewakili gasing dimana nombor bagi setiap gasing tersebut mewakili angka giliran gasing yang akan dipertandingkan. Setiap nama kampung mempunyai 4 biji gasing yang boleh dipertandingkan, tidak termasuk pada pusingan yang terakhir setiap kali pertandingan diadakan. Contohnya, bagi Kampung Darau, bagi set atau nagang yang pertama, angka giliran bagi gasing tersebut adalah yang ke- 2, manakala bagi set yang ke- 2 adalah giliran yang ke-8 dan begitulah yang seterusnya. Jadual ini akan berubah setiap sebulan sekali dan melalui proses penggiliran. Proses penggiliran bermaksud gasing yang sama akan berubah kedudukannya pada setiap bulan.

#### 4.7.4 Teknik pengiraan tempoh waktu



Gambar 20. Kertas yang menjadi tanda pengenalan gasing yang dipusing.  
(Gambar diambil oleh Mohd Hafizuddin, 2011).

Gambar 20 adalah satu lagi bukti kepandaian para pemain gasing yang bukan sahaja tahu membuat gasing yang cantik, berkualiti dan menarik tetapi bijak dari sudut matematik untuk mengukur tempoh masa bagi sesebuah gasing berpusing, jika dilihat secara kasar, kita tentu sukar untuk menilai apakah yang ingin dinyatakan pada kertas tersebut, dalam permainan gasing, kertas ini merupakan kad pengenalan atau tanda yang menyatakan angka giliran gasing yang dipusing, waktu ianya dipusing dan juga individu yang memusingkannya, dalam sehelai kertas, nombor yang berada diatas sekali merupakan angka giliran gasing yang dipusing, perkataan



yang berada dibawah sekali pula merupakan individu yang memusingkannya, contohnya gambar diatas tertulis nama “Wan” yang merupakan singkatan nama bagi pemusing gasing. Perkataan yang ditengah iaitu 8x3 merupakan waktu gasing itu dipusing, sukar bagi orang luar untuk memahami bagaimana fungsi nombor tersebut. 8 di sini bermaksud nombor 8 pada pada jarum jam, manakala nombor 3 adalah jarum minit antara no 8 dan juga no 9, jadi di sini setiap minit akan diteliti dan kiraan tempoh waktu sesebuah gasing akan berputar dapat dinilai dengan tepat.

#### 4.7.5 Perbezaan gasing uri dan gasing uri terbang

Antara perbezaan yang ketara dapat dilihat pada gasing uri biasa dan gasing uri terbang adalah dari segi saiz dan keadaan fizikalnya.



Gasing Uri



Gasing Uri Terbang

Jika dilihat daripada saiz ukuran lilit gasing uri yang lebih besar dan paksinya yang turut besar dan lebih terlonjol keluar membawa kepada erti gasing ini yang dicokok di atas tanah dan bukan diudara seperti gasing uri terbang. Ukuran lilit bagi gasing uri adalah 80 cm berbanding gasing uri terbang yang hanya 60 cm. Dari sudut kehalusan buatan dimana gasing uri terbang lebih terserlah melalui penggunaan hiasan seperti emas, perak dan tembaga yang dikenakan pada kepala atau jambul gasing berbanding gasing uri yang hanya diletakkan pemotek kayu sahaja. Dari sudut berat pula, gasing uri terbang lebih berat berbanding gasing uri dimana berat bagi gasing uri terbang adalah sekitar 4 kilogram berbanding gasing uri yang hanya seberat 3.5 kilogram. Berat kedua-dua gasing ini ditentukan oleh lilitan timah yang mengelilingi kayu gasing, gasing uri hanya mempunyai lilitan timah yang nipis berbanding gasing uri terbang yang lebih tebal lilitan timahnya, oleh sebab itulah, tempoh pusingan gasing uri terbang lebih tinggi berbanding gasing uri kerana timah yang berat mempengaruhi ayunan gasing. Tempoh pusingan gasing uri hanyalah sekitar 1 jam 30 minit berbanding gasing uri terbang yang mampu berpusing sehingga 2 jam 32 minit.

Melihatkan kepada latar belakang dan juga usia, kebanyakan pengamal terdiri daripada mereka yang berbeza pekerjaan dan juga usia yang tinggi. Usia yang tua menandakan pengalaman yang luas dalam permainan gasing. Contohnya Yusof Bin Karim yang telah menglibatkan diri dalam permainan gasing lebih 20 tahun dan tidak hairanlah beliau kini dilantik menjadi ketua bagi Persatuan Gasing

Gong Duek. Dalam permainan gasing, mereka yang tua lebih dihormati dan di sini dapat kita lihat sifat toleransi antara pemain, Dalam pembahagian tugas, pemain yang lebih muda diberikan tugas yang lebih banyak dan sedikit berat, tugas seperti memusing dan membuat gasing diserahkan kepada mereka yang lebih muda dan bertenaga disamping tunjuk ajar mereka yang sudah tua dan berpengalaman. Wujud pengajaran dan pembelajaran antara pengamal, mereka akan saling bertukar idea, pendapat dan sebarang permasalahan yang boleh dikongsi dan diselesaikan bersama.

Individu yang dikenali dengan panggilan Abg Li pula merupakan seorang ahli perniagaan barangan kemas, kehidupan yang mewah membuatkan kita terfikir bagaimana seorang yang kaya masih mengamalkan permainan tradisional, kerana selalunya permainan tradisional dimainkan oleh masyarakat kampung dan berpendapatan rendah sahaja, setelah diteliti latar belakang beliau, dapat kita lihat bahawa beliau merupakan peminat gasing sejak dari kecil lagi. Berasal dari daerah Pasir Putih, Kelantan yang merupakan antara daerah atau negeri yang kaya dengan seni tradisi. Kampung Sungai Gali dahulunya merupakan kampung yang mengamalkan permainan gasing uri dan persekitaran masyarakat pada waktu itu yang sangat meminati permainan gasing menyebabkan beliau terdorong untuk mempelajari permainan gasing tersebut. Walaupun tidak mendapat tunjuk ajar yang formal dalam aspek permainan dan pembuatan gasing, tetapi dengan niat yang tekad, beliau telah belajar cara membuat gasing melalui pemerhatian dimana

gasing yang telah rosak dan dibuang oleh tukang gasing yang lain telah beliau jadikan sebagai satu sampel ujikaji dimana gasing tersebut telah dibelah dan dikaji kerangka dalamnya. Dari situlah beliau mempelajari teknik pembuatan gasing dan sehingga kini beliau dianggap salah seorang tukang gasing yang terkenal dan merupakan tonggak pasukan. Proses pembelajaran yang berlaku ini didorong oleh rasa minat yang mendalam, jadi keadaan sebegini boleh dijadikan satu cara untuk mendidik generasi muda untuk lebih memahami permainan sebegini. Pendedahan yang berterusan mampu membawa kepada minat. Melalui bimbingan yang berterusan dari pakar mampu mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang baik.

#### **4.7.6 Ekonomi dan sosial masyarakat**

Rata-rata pengamal yang masih wujud kini terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah. Ini dapat dilihat melalui latar belakang dan jenis pekerjaan mereka, majoriti daripada penggiat permainan ini merupakan golongan petani dan mereka yang tidak bekerja. Tidak bekerja bermaksud mereka yang sudah pencen atau terlalu tua untuk bekerja dan hanya mengharapkan sumbangan anak-anak Mereka yang bekerja sebagai petani rata-ratanya mengusahakan pertanian padi sawah, tembakau dan juga penanaman getah. Pekerjaan sebegini tidak terikat dengan waktu kerja seperti kerajaan dimana waktu kerja adalah sekitar waktu pagi

hingga tengah hari sahaja, situasi sebeginilah yang menyebabkan kelompok masyarakat ini melihat permainan tradisional seperti gasing sebagai satu medan untuk mereka melepaskan rasa bosan selepas waktu bekerja. Kebanyakan penggiat memperolehi pendapatan di bawah RM 2000.00 hasil daripada pekerjaan mereka. Setiap minggu hasil seperti getah akan dijual kepada peraih tempatan, manakala setiap 3 bulan pengusaha padi akan mengutip hasil tuaian padi mereka. Kaum wanita sentiasa menyokong asalkan keperluan mereka tidak terabai. Persekitaran sosial kampung yang saling menyokong membawa kepada kewujudan permainan tradisi ini. Selaras dengan peranan permainan tradisional ini yang berfungsi sebagai alat memupuk perpaduan antara anggota masyarakat dan juga medan untuk individu memperlihatkan kemahiran merekacipta gasing mereka. Penat lelah selepas bekerja dapat dikurangkan dengan aktiviti bersama kawan-kawan, semua anggota saling mempunyai peranan dalam permainan ini, gelak tawa menyebabkan mereka lupa akan segala masalah yang sering membelenggu diri. Harus diingat bahawa bukan hanya pusingan gasing yang harus dilihat, tetapi kebanyakan masa yang digunakan ketika permainan ini berlangsung adalah dengan dipenuhi oleh aktiviti sampingan, ini disebabkan pusingan gasing yang melebihi 2 jam dan ia boleh dikatakan sangat memakan masa, jadi untuk menunggu sesebuah gasing itu berhenti berputar, aktiviti sampingan seperti main dam, daun terup, carom dan sebagainya dijadikan aktiviti tambahan. Bagi mereka yang tidak terlibat dengan permainan sampingan, selalunya

para penggiat ini akan saling bersempang antara mereka, pelbagai masalah diutarakan untuk dikongsi bersama.

Di sini dapat kita lihat interaksi sosial antara penggiat. Jika permainan ini tidak wujud, dimana lagi medan untuk mereka berhubung secara dekat dapat dilakukan. Kedai kopi pula hanya menjadi medan antara penggiat berkongsi pengalaman permainan gasing mereka dengan bukan penggiat. Suasana perkampungan yang wujud di pedalaman disamping tiupan angin yang membelai dedaun kelapa menyokong lagi permainan tradisional. Seolah berada pada awal 50-an. Tiada bangunan tinggi dan kereta mewah, yang ada hanyalah pokok kelapa, basikal dan kenderaan biasa bagi penduduk kampung. Kawasan pedalaman menjadi antara faktor pengekalan permainan ini, masyarakat yang tidak terlalu terdedah dan taksub dengan kebanjiran permainan moden.

#### **4.7.7 Peranan dan Tujuan permainan Gasing Uri Terbang.**

Secara umumnya, permainan gasing uri terbang ini merupakan satu medan untuk masyarakat berhibur serta medium membentuk perpaduan antara masyarakat. Perpaduan antara kampung, daerah dan juga negeri dapat dilihat melalui pertandingan yang diadakan, sanak-saudara yang tinggal dengan lokasi pertandingan dapat bersua muka pada hari tersebut, mereka yang tidak kenal dapat berkenalan antara satu sama lain. Hubungan sosial boleh berlaku melalui persamaan minat dan latar belakang kehidupan. Sebarang masalah dan tekanan di tempat kerja dapat

dihilangkan dengan perkongsian. Dalam sesebuah pasukan, setiap individu atau pemain mempunyai tugas yang tersendiri, masing-masing saling membantu dan memerlukan. Tukang pusing memerlukan tukang lilit untuk melilit gasing dan tukang gasing turut memerlukan tukang cokok untuk menyambut gasing yang dipusing. Setiap individu mempunyai rasa dihormati antara satu sama lain dan ini menjadi faktor pengekalan permainan ini hinggalah sekarang.

Selain membentuk interaksi sosial, peranan permainan gasing juga menjadi medan bagi seseorang individu memperlihatkan kemahiran mereka dari sudut teknik pembuatan, kehalusan, kepandaian dalam memusingkan gasing dan sebagainya, kemahiran mereka ini akan dihargai oleh peminat. Dalam sesebuah pertandingan, perkara utama yang ingin dilihat adalah kualiti, kehalusan dan kehebatan tukang yang membuatnya. Bukti kehebatan gasing dapat dilihat melalui cara pusingan gasing ketika ianya berputar, gasing yang hebat mempunyai aura yang tersendiri dimana gasing tersebut akan berputar dengan padu dan teratur serta tiada cacat cela pada ayunan lengkok badannya.

Walaupun Malaysia kaya dengan unsur tradisi, tetapi tiada guna jika ianya tidak diamalkan, bagi pasukan Gasing Uri Terbang Gong Duek yang mewakili negeri Terengganu, setiap malam jumaat menjadi medan mereka melakukan latihan, pada waktu inilah, segelintir masyarakat luar dan juga pelancong datang berkunjung untuk memahami permainan ini secara dekat. Hampir keseluruhan mereka yang datang terkejut dan terpegun dengan keunikan permainan gasing uri terbang ini.

Belajar melalui pengalaman lebih mudah daripada hanya membaca buku mengenai permainan ini, pelawat dibenarkan menyentuh dan juga merasai suasana permainan. Ia mampu menjadi antara penarik sektor pelancongan dan juga mampu antara identiti negara yang penting dimata dunia.

Masa lapang yang terbuang diisi dengan perkara yang menghiburkan. Permainan gasing merupakan tempat penggiat mengisi masa lapang setelah penat bekerja. Segala masalah dilupakan dan fokus terarah kepada permainan dan gasing milik seseorang penggiat, wujud perlumbaan untuk menjadikan gasing milik sendiri mencatat rekod pusingan paling lama, jika menang sebarang masalah akan ditinggalkan jauh dibelakang dan yang hanya diingatan adalah kemenangan. Otak dapat direhatkan. Masa lapang dapat diisi dengan cara yang betul.

Permainan gasing uri terbang ini juga merupakan satu cara masyarakat mengekalkan seni warisan ini supaya tidak pupus ditelan zaman. Melalui sokongan Kementerian Kebudayaan dan Kesenian, permainan ini dapat dikekalkan secara langsung. Penganjuran pertandingan dan jemputan oleh majlis-majlis pihak swasta membantu memertabatkan seni permainan tradisional Melayu ini. Disebabkan arus kemodenan yang semakin hari mengancam seni tradisional masyarakat Melayu, mujurlah masih wujud masyarakat yang masih berani mempertahankan tradisi nenek moyang mereka ini daripada ditelan arus dek kemodenan zaman.



#### **4.7.8 Falsafah**


Melihatkan kepada permainan ini yang langsung tidak menawarkan habuan seperti wang ringgit menyebabkan ramai ahli masyarakat yang meminggirkannya. Tetapi dalam masa yang sama ia berguna untuk mendidik masyarakat akan kepentingan hidup berpasukan atau bermasyarakat, mereka dapat belajar sifat sabar dan mementingkan apa yang ada di persekitaran. Ianya juga menjadi bukti tahap pemikiran masyarakat yang kreatif dalam mengeksploitasi sumber alam di sekeliling mereka untuk dijadikan sebagai alat hiburan. Masyarakat dapat belajar menghormati mereka yang lebih tua dan menyedarkan diri sendiri bahawa setiap manusia mempunyai kelebihan dan kekurangan yang tersendiri. Sifat tolak ansur yang diamalkan dalam permainan ini dapat digunakan dalam kehidupan seharian. Ia juga mampu menjadi kayu pengukur tahap pemikiran masyarakat tersebut dan pengenalan identiti masyarakat yang mengamalkannya.

#### 4.8 Kesimpulan

Dapat dikatakan bahawa permainan tradisional gasing uri terbang ini sangat penting dalam hidup bermasyarakat. Di dalamnya juga terkandung nilai dan ketinggian ilmu masyarakat Melayu yang bijak dalam bersosial. Walaupun ianya merupakan aktiviti yang tidak mendatangkan pendapatan yang lumayan tetapi oleh kerana minat dan kepentingannya dalam kehidupan bermasyarakat membawa kepada pengekalannya sehingga ke hari ini. Sesuatu yang diwarisi dari nenek moyang harus sentiasa dikekalkan supaya ianya sentiasa dapat dikenang dan dihayati oleh masyarakat kini. Masyarakat kini dapat belajar mengenai asal-usul permainan nenek moyang mereka, aktiviti sosial mereka dan sebagainya. Segala kemusykilan mengenai permainan gasing uri terbang dapat dijawab dengan melihat sendiri permainan ini yang dimainkan secara langsung.

Secara keseluruhannya, analisis perbincangan sememangnya dapat memberi satu ilmu pengetahuan yang tidak dapat dijelaskan secara mudah jika dilihat secara kasar. Ia banyak menjelaskan mengenai rahsia yang terkandung di dalam permainan ini yang banyak tidak diketahui oleh masyarakat luar. Sehubungan dengan itu, pengkaji telah mendokumentasikan satu ilmu yang masih baru mengenai permainan gasing uri terbang ini sebagai satu bahan bacaan umum untuk generasi yang akan datang. Pada masa hadapan nanti, bahan bacaan ini akan menjadi sumber rujukan mereka yang mahu mengkaji permainan ini dengan lebih lanjut lagi dan kajian yang semakin mendalam diharapkan dapat

menghasilkan permainan gasing yang lebih menarik dan mendapat perhatian masyarakat tanpa menjejaskan keaslian dan identiti permainan gasing tersebut.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN



## BAB 5

### Kesimpulan

#### 5.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, gasing uri terbang sangat penting dalam memupuk perpaduan. Ia mampu menjadi agen penyatuan masyarakat yang kini semakin terpisah antara satu sama lain. Penyatuan melalui aktiviti berpasukan menambahkan lagi nilai sesuatu persahabatan yang dijalin dalam anggota masyarakat yang berbeza latar belakang, usia dan tempat tinggal. Para generasi muda kini haruslah belajar untuk menyayangi warisan nenek moyang kerana ianya merupakan tunjang identity bangsa sendiri. Semua anggota masyarakat harus bersatu padu untuk memartabatkan seni permainan tradisional ini supaya ianya

sentiasa dapat dikekalkan sekaligus mengagumkan masyarakat luar betapa bijaknya masyarakat Melayu dalam menyetengahkan aktiviti sosial mereka.

Permainan gasing uri terbang ini sangat popular hanya disekitar negeri pantai timur sahaja iaitu Kelantan dan Terengganu. Kelompok penggiat di negeri ini memperlihatkan kemahiran pertukangan mereka dalam proses pembuatan dimana setiap aspek diambil kira, aspek seperti kemahiran, kecekapan dan kebijaksanaan menjadi tunjang penting kejayaan sesebuah pasukan. Kerjasama berpasukan dalam permainan gasing uri terbang ini seolah-olah menjadi gambaran tradisi masyarakat Melayu yang saling bekerjasama antara satu sama lain, bak kata pepatah “Yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing”. Sifat masyarakat yang hidup dalam kesederhanaan boleh kita lihat dalam aktiviti harian mereka. Permainan gasing uri terbang sememangnya kaya dengan nilai estetikanya. Walaupun wujud pelbagai tanggapan yang bersifat positif, namun permainan ini lebih banyak mendatangkan nilai positif yang baik dalam masyarakat asalkan ianya dilaksanakan dengan betul supaya tidak mewujudkan salah faham antara anggota masyarakat.

Kebijaksanaan para tukang dalam menghasilkan gasing yang mampu berpusing berjam lamanya dan tidak akan jatuh ketanah jika ianya berhenti sepenuhnya harus dipuji. Dalam pembelajaran formal hari ini, ilmu pertukangan sebegini memang tidak diajar, jadi tanggungjawab individu itu sendiri untuk

mempelajarinya. Golongan pelapis terutamanya remaja harus belajar bagaimana sesuatu ilmu yang sukar didapati sekarang dapat diterima, jangan hanya menjadi tangan yang menerima, cubalah menjadi tangan yang memberi. Tangan yang berada diatas lebih baik daripada tangan yang berada di bawah. Penghasilan gasing daripada bahan yang senang didapati dan dapat diperolehi di persekitaran memperlihatkan hubungan manusia dengan alam yang begitu akrab, bahan seperti kayu merupakan antara bahan yang paling asas dalam pembuatan gasing. Bermula daripada proses menebang pokok, penggiat sudah pandai memahami dan menghormati pokok tersebut. Bermula dengan pemerhatian, sebatang pokok tidak akan ditebang dengan sesuka hati sahaja, pemerhatian bermula daripada saiz batang hinggalah kepada jenis kayu menggambarkan bahawa tukang gasing ini sangat dekat dirinya dengan alam sekeliling. Mereka sentiasa peka dengan sebarang perubahan yang berlaku.

Selain itu, perkembangan rekabentuk gasing yang berubah bermula dengan gasing pangkah yang khusus untuk memangkah hinggalah kepada gasing yang berpusing mengikut tempoh masa, rekabentuknya tidak sama dari sudut struktur gasing. Gasing pangkah hampir keseluruhannya diperbuat dari kayu, teknologi timah pada masa itu mungkin kurang popular lagi. Setelah itu barulah kewujudan gasing yang dilingkari timah dan permainan yang bersifat menghancurkan seperti gasing pangkah semakin dilupakan, penggiat dan masyarakat lebih cenderung untuk permainan yang mempunyai tolak ansur dan

kurangnya kekerasan supaya tidak berlaku masalah dalam masyarakat. Penggiat sentiasa belajar bagaimana untuk menghasilkan gasing yang lebih baik, pemerhatian daripada pengalaman sebelum ini dijadikan teladan untuk kearah yang lebih baik. Wujud perlumbaan dan persaingan secara sihat untuk menentukan gasing milik siapakah yang paling hebat. Persaingan sebegini mampu menghasilkan kualiti permainan yang lebih baik dan diharapkan dapat menarik minat kelompok masyarakat yang masih tidak sedar akan kepentingan permainan ini dalam membentuk masyarakat yang harmoni. Jangan kita menjadi individu yang berfikir pengekalan permainan dan juga unsur tradisi yang lain sebagai satu punca kemunduran, harus diingat bahawa negara Jepun masih mampu menjadi negara yang maju tanpa mengabaikan amalan tradisi mereka. Kehidupan mereka disanjung tinggi masyarakat luar dan menjadi bukti bahawa tahap jati diri yang tinggi berupaya mewujudkan masyarakat yang bertanngjawab terhadap bangsa dan negara mereka.

---

Pengekalan warisan Melayu yang cukup agung ini haruslah disedari oleh semua pihak terutama golongan muda pada hari ini. Golongan muda pada hari ini mungkin tidak mahu mempelajari permainan gasing tradisional yang di amalkan oleh masyarakat Melayu pada zaman dahulu, namun ingatlah, tanpa permainan lama maka tidak akan timbul sistem permainan moden pada hari ini. Walaupun bagi mereka sesuatu yang lama itu di anggap sebagai sesuatu yang buruk, namun yang buruk itu adalah menjadi titik penolak kepada perkembangan dunia pada

zaman sekarang. Pengekalan khazanah warisan negara haruslah di ambil berat oleh semua pihak. Kita tidak boleh dengan hanya saling menunding jari antara satu sama lain dan meletakkan semua tanggungjawab kepada bahu kerajaan sahaja. Pelbagai usaha harus dijalankan oleh pihak swasta dan agensi kerajaan seperti Kementerian Komunikasi, Penerangan dan Kebudayaan Malaysia, Arkib Negara Malaysia, Jabatan Muzium Malaysia dan rakyat Malaysia dalam memastikan bahawa khazanah Negara yang cukup bernilai ini dapat di kekalkan untuk generasi masa hadapan.

### **5.1 Cadangan**

Bagi pendapat dan pandangan pengkaji, semua pihak harus saling mewujudkan sifat tanggungjawab untuk memelihara warisan bangsa ini, bermula dengan ibu bapa yang harus sentiasa memberikan sokongan dan dorongan kepada anak-anak untuk memahami dan mempelajari permainan ini. Pengaruh ibu bapa penting dalam mendidik anak-anak. Tugas pihak kerajaan pula melalui Kementerian Kebudayaan dan Kesenian pula boleh dilakukan dengan menyediakan dana khas bagi penggiat permainan gasing uri terbang ini supaya penggiat tidak terlalu terbeban dengan kos yang dikeluarkan sendiri dan ini akan membuatkan mereka rasa dihargai serta mendapat perhatian pihak yang berkenaan, usaha mereka selama ini mendapat pengiktirafan kerajaan. Dana yang disalurkan boleh



digunakan untuk membeli bahan mentah dan keperluan yang dirasakan perlu untuk melaksanakan sesuatu acara. Keperluan bahan mentah seperti timah yang dipenuhi dapat menjamin proses pengeluaran gasing yang baru.

Peranan kerajaan seperti mewujudkan subjek permainan tradisional di sekolah rendah sangat diharapkan, kewujudan subjek sebegini dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah dapat membantu tanggapan pelajar bahawa permainan tradisi turut mendapat perhatian kerajaan dan mengubah tanggapan mereka mengenai permainan tradisi. Kelas untuk subjek sebegini perlulah dilaksanakan secara berkesan, jangan seperti ibarat “melepaskan batuk di tangga”. Penubuhan kelab dan aktiviti kokurikulum berkaitan gasing merupakan satu langkah yang baik dalam memupuk minat masyarakat untuk cintakan permainan tradisional terutamanya gasing uri terbang.

Penglibatan pihak sekolah dan ibu bapa dalam memupuk minat anak-anak terhadap permainan tradisional gasing uri terbang boleh dilakukan dengan sentiasa membawa anak-anak ke lokasi pertandingan dan melakukan lawatan secara rasmi. Ini dapat mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran secara langsung antara anak-anak atau pelajar ini dengan penggiat permainan ini melalui perantaraan ibu bapa dan guru. Mungkin suatu hari nanti, anak-anak ini boleh menjadi pelapis permainan tradisional gasing uri terbang yang disegani suatu hari nanti.

**Lampiran**

**Profil Pengamal**



Nama : Yusuf Bin Karim

Asal Kelahiran : Besut, Terengganu Darul Iman

Tahun Lahir : 1945

Umur : 76 Tahun

Pekerjaan : Kontraktor binaan

Jawatan :Ketua persatuan gasing



Nama : Mat Riah Bin Mat Saad

Nama Panggilan : Abg Li

Asal Kelahiran : Kampung Sungai Gali, Pasir Putih, Kelantan

Tarikh Lahir : 1 April 1958

Umur : 53 Tahun

Pekerjaan : Ahli perniagaan

Jawatan: Pembantu ketua dan juga tukang membuat gasing



Nama : Rukman Bin Muhammad

Nama Panggilan : Abg Man

Asal Kelahiran : Kampung Apal, Besut, Terengganu


Tahun Lahir : 1962

Umur : 49 Tahun

Pekerjaan : Buruh

Jawatan: Tukang cokok.

















1. Gambar 1 menunjukkan tukang gasing sedang membaiki gasing.
2. Gambar 2 menunjukkan gasing yang diletak didalam sarangnya.
3. Gambar 3 menunjukkan penggiat sedang bermain terup.
4. Gambar 4 menunjukkan kumpulan pemain saling berbincang.
5. Gambar 5 menunjukkan peminat yang memerhatikan pertandingan.
6. Gambar 6 menunjukkan gelagat penonton.
7. Gambar 7 menunjukkan proses melarik kayu patak .
8. Gambar 8 menunjukkan timah yang dicairkan dalam kualiti.
9. Gambar 9 menunjukkan alatan sampingan seperti pahat dan gerudi.
10. Gambar 10 menunjukkan proses melarik lurah atau alur timah.
11. Gambar 11 menunjukkan proses melarik timah.
12. Gambar 12 menunjukkan proses pengajaran dan pembelajaran.
13. Gambar 13 menunjukkan proses menuang timah ke dalam acuan.
14. Gambar 14 menunjukkan pemain makan selepas selesai bermain.
15. Gambar 15 menunjukkan pemain meletakkan lopak.
16. Gambar 16 menunjukkan gelagat pemain dan penonton.
17. Gambar 17 menunjukkan susunan gasing yang telah dipusing.
18. Gambar 18 menunjukkan alat melarik.
19. Gambar 19 menunjukkan pemusing sedang melilit gasing.
20. Gambar 20 menunjukkan penonton menunggu pusingan gasing.
21. Gambar 21 menunjukkan paksi gasing.

22. Gambar 22 menunjukkan kedudukan bong.
23. Gambar 23 menunjukkan pemain dan penonton memerhati gasing.
24. Gambar 24 menunjukkan posisi ketika melarik.



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**Bibliografi**

- Asmad (1990). *Seni Lagu dan Permainan Tradisi*. Melaka: Associated Educational Distributors (M) Sdn. Bhd.
- Fieda (2003). *Siri Permainan Tradisional Melayu: Permainan Gasing*. Selangor: Oak Enterprise.
- Hamza Dahlan, Idrus Razak & Nordin Saad ( 1980 ). *Permainan Tradisional*. Kuala Lumpur: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia.
- Hj Aziz Deraman dan Wan Ramli Wan Mohd ( 1994 ). *Siri Pengetahuan Popular: Permainan Tradisi Orang Melayu*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Jasman Ahmad dan Siti Zaiton (1996). *Gasing Dan Congkak*. Selangor Setiamas.
- Jasmin Ahmad & Nora Samad ( 2000). *Seni Penciptaan Permainan Tradisional*. Petaling Jaya: Mega Setia Emas.
- J. Huizinga, *Home Ludens, A Story of The Play-Element In Culture*, The Beacon Press, Boston (1952).
- Nordin Sulaiman & Rosidah Awang ( 2000 ). *Permainan dan Hiburan Tradisi*. Pinang Sdn. Bhd.

- Noriah Mohamed ( 2006 ). *Sentuhan Rasa dan Fikir Dalam Puisi Melayu Tradisional*.  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Omar Farouk Bin Bajunid (1989). *Warisan Kesenian Kelantan*. Kuala Lumpur: Asrama  
Za'ba, Universiti Malaya.
- Osman Abdullah (1994 ). *Perlawanan Gasing. Petaling Jaya* :Kompas Publishing.
- Suhaimi Bin Junoh (1984). *Permainan Gasing Uri Timah Di Kelantan*. Kuala Lumpur:  
Jabatan Pengajian Melayu.
- Yunos Pipet (1993). *Gasing Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Zawiah Ahmad (1997). *Gasing, Wau & Sepak Takraw*. Selangor: Sama Publication &  
Distributors Sdn Bhd.
- Zunaidi Jaafar (2000). *Permainan Tradisional Melayu: Satu kajian tentang Gasing di  
Kampung Jenerih Tujuh, Pasir Mas, Kelantan*. Kuala Lumpur: Jabatan Sosio-  
Budaya Melayu.

**Senarai Responden:**

Mat Riah B Mat Saad, 53 tahun, 20 Ogos 2011, Kampung Alur Lintang, Jerteh, Besut, Terengganu

Rukman B Muhammad, 49 tahun, 17 Ogos 2011, Kampung Apal, Jerteh, Besut, Terengganu.

Yusof B Karim, 76 tahun, 18 Julai 2011, Kampung Gong Duek, Jerteh, Besut, Terengganu.